

B A B

L A P A N

BAB 8

AL-MUDĀRABAH DALAM MEKANISME PEMBIAYAAN TANPA RIBA

1. DEFINISI AL-MUDĀRABAH

1.1. Al-Mudārabah Menurut Istilah Bahasa:

Al-Mudārabah berasal dari perkataan bahasa Arab al-Darb yang bererti "musafir", iaitu bahasa yang sering digunakan di kalangan orang-orang Mekah dan Iraq. Disebut demikian kerana pedagang-pedagang Arab suka berjalan musafir.¹ Allah s.w.t. telah merakamkan kegiatan pedagang Arab yang sering keluar musafir itu dengan firmanNya;

وَالْخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

Maksudnya:

*Dan mereka yang lain pergi berdagang di muka bumi, mencari rezeki daripada Allah.*²

Perkataan (يَضْرِبُونَ) yadrībūn di atas, sinonim dengan perkataan (يُسَافِرُونَ) yusāfirūn iaitu keluar berjalan musafir, yang sering dilakukan oleh pedagang-pedagang Arab. Mereka keluar berdagang ke negeri Shams

1. al-Khatib, op.cit., jld.2, hlm.309; Malik, op.cit., jld.4, hlm.46; Ibn Qudamah, op.cit., jld.5, hlm.130; Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.57.

2. Surah al-Muzzamil, ayat 20

dengan membawa barang dagangan, kemudian pulang dengan membawa keuntungan sebagai rezeki kurniaan Allah s.w.t.

Al-Mudarabah juga disebut sebagai (القراءض) al-Qirāḍ, asal dari perkataan al-qard, iaitu bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Arab Hijaz atau Madinah, sinonim dengan perkataan al-qarā'a (القطع) yang bererti "potongan", disebut demikian, kerana pengusaha akan diberi sebahagian daripada keuntungan yang dipotong dari hasil usahaniaganya, mengikut potongan nisbah yang telah dipersetujui oleh mereka.³

1.2. Al-Mudarabah Menurut Istilah Shara^c:

Menurut istilah Shara^c, al-Mudarabah adalah perjanjian antara pemilik modal dan pengusaha dimana pemilik bersetuju membiayai sepenuhnya sesuatu projek perniagaan atau pelaburan dan pengusaha bersetuju mengusahakannya secara berkongsi keuntungan dengan nisbah pembahagian yang dipersetujui bersama terlebih dahulu.⁴

Ulama-ulama fiqh mengenali al-Mudarabah sebagai suatu bentuk aqad "mewakilkan harta", daripada pemiliknya kepada orang lain, yang bertujuan untuk diperniagakan. Harta yang diwakilkan kepada orang lain itu mestilah harta daripada wang tunai yang tertentu daripada emas atau perak sahaja.⁵

³ al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.309-310; Mālik, op.cit., jld.4, hlm. 46-47; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.5, hlm.130; Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.57.

⁴ al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.309-310; Shāfi‘ī, op.cit., jld.7, hlm.98; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.5, hlm.130; Mālik, op.cit., jld.4, hlm.46; Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.57; BIMB, *Al-Mudarabah Deposit*, (kerta kerja Seminar On Islamic Banking Practice SPTF) Holiday Inn City Centre, KL., 6-8, Sept., 1994, p.1; BIMB, *Guidelines On Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) For Commercial Banks*, KL:BNM, 1993, p.3; BIMB, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*, KL:BIMB, 1984, hlm.8.

⁵ al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.310 ; Mālik, op.cit., jld.4, hlm.5; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.5, hlm.130; Ibn al-Humām, jld.5, hlm.57.

Dalam perlaksanaan bank, al-Mudārabah dikenali sebagai suatu kontrak antara kumpulan pelanggan sebagai pendeposit yang memberikan sejumlah wang modal yang diperlukan untuk membolehkan bank membiayai sesuatu projek. Bank akan menjalankan modal tersebut dalam bentuk perniagaan atau projek. Keuntungan yang diperolehi akan dibahagi kepada pelanggan dan bank mengikut nisbah yang telah disepakati dan telah ditentukan dalam perjanjian aqad. Jika rugi, maka kerugian itu akan ditanggung sepenuhnya oleh golongan pendeposit. Kecuali jika kerugian itu disebabkan kecuaian, penyelewengan atau penyalahgunaan bank sebagai pengusaha.⁶

2. ASAS-ASAS HUKUM AL-MUDĀRABAH

Al-Mudārabah adalah sebahagian daripada urusniaga atau Mu'amalat dalam Islam. Ia disharrukan berdasarkan firman Allah s.w.t., sabda RasūluLlah ᷟ.a.w. dan Ijmā' ulama-ulama fiqh dalam Islam.

2.1. Berasaskan Nas al-Qur'an:

(1) Perkataan (يَضْرِبُونَ) yadribūna maknanya "berjalan", Allah berfirman dalam Surah al-Muzzammil, ayat 20;

وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

Maksudnya;

(Dia Allah mengetahui bahawa) akan ada orang-orang yang berjalan dimuka bumi, mencari sebahagian kurniaan Allah.

⁶

BIMB, al-Mudarabah Deposit, (Kertas Kerja Seminar On Islamic Banking Practice SPTF Series), KL: Holiday Inn Centre, Ogos, 1994, p.1; BIMB, Bank Islam Penuhan dan Operasi, KL, BIMB, 1984, hlm.8; BIMB, Guidelines On Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) For Commercial Banks, KL: BNM, 1993, p.3.

(2) Perkataan (فَانْتَشِرُوا) Fantashirū maknanya "bertaburanlah". Allah berfirman dalam surah al-Jumurah, ayat 10;

فَإِذَا قُضِيَتِ الصلوة فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْكُرُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

MaksudNya;

Apabila selesai sahaja kamu menunaikan sembahyang (Jumurah), maka bertaburanlah kamu di muka bumi, carilah kurnia Allah, dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung.

(3) Perkataan (تَبْتَغُوا) tabtagħu, maknanya "mencari", Allah berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 198;

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ

MaksudNya

Tidak ada dosa bagi kamu, untuk mencari kurnia dari Tuhan kamu.

Imam al-Mawardi menjelaskan, bahawa ayat-ayat tersebut menjadi hujjah, di mana Allah menuntut hambaNya supaya mencari rezeki kurniaanNya melalui al-Mudārabah. Kalimah-kalimah seperti "berjalan", "bertaburan" dan "mencari" dalam ayat-ayat yang tersebut di atas, semuanya merupakan tuntutan Allah s.w.t. kepada hambaNya orang-orang yang beriman, supaya pergila berjalan membawa barang dagangan, pergila bertaburan di mana-mana membuat

perniagaan, berusahaalah mencari rezeki dengan berniaga. Jelas bahawa ayat-ayat yang tersebut itu menjadi nas dan asas Shari'at yang kuat ke atas al-Mudārabah.⁷

2.2. Berasaskan Nas al-Hadīth:

(2.1) Daripada ḤAbdullah bin Zaid bin Aslam daripada bapanya r.a. bahawa beliau telah berkata, maksudnya;⁸

Sesungguhnya ḤAbdullāh dan ḤUbaidullāh, kedua-duanya anak ḪUmar ibn al-Khaṭīb, telah menemui Musa al-Ash'ari di Basrah. Pada beliau ada wang "kedua-dunya hasil dari peperangan Nahawan, Kedua-dua mereka meminjamnya untuk dijadikan modal meniagakannya melalui barang. Apabila sampai di Madinah, kedua-duanya menjual semua barang itu, lalu beroleh keuntungan hasil dari perniagaan tersebut. Maka ḪUmar al-Khattāb meminta semua modal dan keuntungannya sekali, Tetapi berkata kedua-dua anaknya; "kalau barang itu rosak, kami yang bertanggungjawab untuk menggantinya, kenapa tidak keuntungannya hak kami"? lalu berkata seorang lelaki kepada Amir al-Mu'minīn; "Kenapa tidak tuan jadikannya sebagai al-Qirād? ", kata ḪUmar; "sesungguhnya telah kujadikannya", lalu beliau mengambil modal dengan separuh keuntungan.

(Riwayat al-Dār al-Qutnī, sanadnya Sahīh)

(2.2) Daripada Ḥakim bin Hizām r.a. yang bermaksud;⁹

Sesungguhnya dia telah mensyaratkan ke atas seorang lelaki, apabila dia memberinya modal Muqāradah, janganlah kamu letakkannya di tempat yang basah, janganlah membawanya melalui laut, janganlah menurunkannya di tempat banjir. Maka jika kamu buat juga sesuatu yang demikian itu, maka kamu kena ganti hartaku itu.

(Riwayat al-Dār al-Qutnī)

^{7.} Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.58; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.309; al-Zuhailī, Dr., op.cit., jld.4, hlm.837.

^{8.} Ibn Ḥajar al-Asqafānī, Talkhīṣ al-Habīr, Miṣr: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, 1399H/1979M, jld.3, hlm.66.

^{9.} Ibid., hlm.112.

(2.3) Daripada Ibn ‘Abbas r.a., katanya yang bermaksud;¹⁰

Adalah Sayyidina al-‘Abbas bin ‘Abd al-Muttallib, apabila memberi harta sebagai mudārabah, ia mensyaratkan ke atas pengusaha harta tersebut, supaya jangan berjalan melalui laut, jangan turun melalui lembah dan jangan membeli kenderaan binatang yang hatinya lemah. Jika dilakukannya juga seperti yang demikian itu, maka mestilah ia menggantinya. Tiba-tiba syarat yang tersebut itu sampai kepada pengetahuan Rasulullah s.a.w.. Maka Rasulullah s.a.w. mengharuskannya sebagai Mudārabah.

(Hadith riwayat al-Tabarani)

(2.4) Hadith daripada Suhaib r.a., sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda, maksudnya;¹¹

Tiga perkara di dalamnya ada keberkatan: jualbeli harga tangguh, melabur dan mencampurkan terigu dengan gandum untuk makanan di rumah, bukan untuk dijual.

(Riwayat Ibn Majah)

(2.5) Daripada al-‘Ala’ bin ‘Abd al-Rahmān daripada bapanya, daripada datuknya berkata, maksudnya;¹²

Sesungguhnya dia telah menjalankan usahaniaga pada harta ‘Uthman atas bahawa keuntungan dibahagi sama antara kami berdua.

(Riwayat al-Baihaqi).

2.3. Berasaskan Ijmā’ Ulama:

Amalan al-Mudārabah diperkuuhkan dengan hujjah daripada Ijmā’ Ulama. Ulama-ulama dalam Madhab Shāfi‘ī, Ḥanafī, Mālikī, Ḥanbali dan ulama-ulama lain, sepakat mengatakan bahawa al-Mudārabah atau al-Qirād adalah dituntut oleh Shara‘, kerana selaras dengan nas al-Quran dan al-Sunnah Nabi s.a.w., serta diamalkan oleh para sahabat beginda dan menjadi keperluan dalam hidup di

10. Dipetik daripada al-Zuhailī, Dr., op.cit. jld.4, hlm 837

11. Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Bulugh al-Maram, hlm.111;

12. Ibn Hajar, Talkhis al-Habir, jld.3, hlm.66

mana barang keperluan tidak mungkin diperolehi tanpa melalui jual beli barang dagangan seperti dalam aktiviti *al-Mudārabah*.¹³

Al-Mudārabah sama seperti sebuah pasar, setiap orang yang memerlukan barang akan mencari pasar untuk membeli barang yang diperlukannya, begitu juga orang yang memiliki barang untuk dijual, memerlukan pasar untuk menjual barang-barangnya. *Al-Mudārabah* berperanan menyampaikan hajat dan keperluan orang yang memerlukan barang untuk dijual atau untuk dibeli, pemodal dan pengusaha akan sentiasa bersikir apakah barang yang diperlukan oleh orang supaya laku dan cepat dijual, apakah pelaburan yang memerlukan pasaran yang baik. Pasar yang baik adalah pasar yang paling sesuai untuk aktiviti *al-Mudārabah*, kerana ia sama seperti pasar barang yang dapat menyampaikan keperluan orang lain, samada untuk menjual atau membeli barang.

Al-Mudārabah adalah perantara diantara pemilik modal dengan pengusaha. Ramai orang yang hendak bermula, tetapi tidak ada modal, mereka ada ilmu perniagaan, ada pengalaman dan ada kemahiran bermula, tetapi malangnya tidak mempunyai modal yang cukup untuk membuka perniagaan atau perusahaan. Sekiranya ada orang yang mempunyai modal tetapi tidak ada masa untuk bermula, atau tidak ada kemahiran untuk bermula, maka mereka boleh memberikan modal tersebut untuk diurusniagakan berdasarkan ilmu, pengalaman dan kemahiran mereka melalui konsep *al-Mudārabah*.

Maka melalui aktiviti *al-Mudārabah*, kedua-dua golongan ini dapat dipertemukan. *Al-Mudārabah* bagaikan badan perantaraan yang menyatukan

13. Shafī'ī, op.cit., jld.7, hlm.98; Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.57; Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, jld.5, hlm.135; Ibn Qudāmah, op.cit, jld.5, hlm.135.; Malik, *al-Muwatta'* (terjemahan), jld.3, hlm.298

pemodal yang mempunyai wang dengan pengusaha yang mempunyai pengalaman dan pengurusan, supaya sesuatu perusahaan dan sesuatu projek perniagaan akan dapat dijalankan. Maka sudah tentu usaha seperti ini dituntut oleh Islam.

3. RUKUN DAN SYARAT AL-MUDĀRABAH (ESSENTIALS AND CLAUSES OF AL-MUDĀRABAH)

Mengikut *Jumhūr* Ulama, *al-Mudārabah* sempurna dengan tiga rukun sahaja, tetapi pada hakikatnya sudah termasuk semua yang disebut oleh ulama-ulama lain, yang mengatakan enam atau lima rukun. Bagi Madhhab Imam Hanafi, rukun *al-Mudārabah* hanya dua sahaja, iaitu *Sighah Ijab* dan *Sighah Qabūl*.¹⁴

Bagi Madhhab Shāfi‘ī, *al-Mudārabah* ada lima rukun, iaitu modal, perusahaan, keuntungan, *sighah* dan dua orang yang beraqad, iaitu pemilik harta dan pengusaha.¹⁵

Tiga Rukun *al-Mudārabah* mengikut *Jumhūr* Ulama ialah:¹⁶

- 3.1. Dua Orang Yang Beraqad (Pemodal dan Pengusaha),
- 3.2. Meterial Aqad (Modal, Perusahaan dan Keuntungan),
- 3.3. *Sighah* Aqad (*Ijab* dan *Qabūl*).

^{14.} Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.310

^{15.} al-Bujairimi, op.cit., jld.3, hlm.158

^{16.} al-Khatīb, op.cit., jld.2, hlm.310

3.1. DUA ORANG YANG BERAQAD: (PEMODAL DAN PENGUSAHA)

(1) Pemodal (Owner of Fund):

Pemodal ialah orang yang memiliki harta, yang memberikan atau melaburkan hartanya untuk dijadikan modal dalam urusniaga al-Mudārabahah. Mereka mestilah mempunyai syarat-syarat seperti yang ada pada wakālah, sebagai pemodal ia akan menyerahkan harta miliknya kepada pengusaha untuk diperniagakan, di sinilah syarat wakālah tersebut menjadi ciri yang sangat penting dalam urusniaga al-Mudārabahah.¹⁷

Oleh kerana itu, pemodal mestilah orang yang layak memberi wakālah atau perwakilan sesuatu perkara kepada orang lain, sifat-sifat kelayakan itu ialah seorang yang baligh, berakal. Tidak disyaratkan mesti seorang Muslim. Sah urusniaga al-Mudārabahah oleh kafir zimmi atau kafir yang musta'man iaitu kafir yang meminta perlindungan di bawah kerajaan Islam. Tetapi Imam Abu Hanifah meletakkan syarat pemilik harta yang akan mengeluarkan modal itu mestilah beragama Islam.¹⁸

Jika sekiranya pemodal itu ialah seorang kanak-kanak, atau seorang gila, atau seorang bodoh, mereka tidak mampu untuk mengurus diri mereka sendiri, maka bagaimana meraka mampu menentukan pengurusan yang melibatkan banyak perkara dengan kewangan dan orang lain, seperti al-Mudārabahah yang berkaitan dengan urusan kewangan serta perlu berhubung dengan orang lain.¹⁹

^{17.} Ibid., hlm.314

^{18.} Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld.5, hlm.139

¹⁹ Ibid..

(2) Pengusaha (Entrepreneur):

(2.1) Syarat Asas Seorang Pengusaha:

Pengusaha mestilah seorang yang merdeka, baligh berakal, tidak gila, tidak bodoh, bukan seorang yang muflis atau yang ditahan kelayakkannya dari menjalankan urusniaga, sebagai asas penting dalam menilai kemampuan akal, fizikal dan tiada sekatan undang-undang yang melayakkan seseorang sebagai pengusaha.

(2.2) Pengusaha yang dikenali dan tentu pengenalannya.

Tidak sah menyerahkan modal pelaburan kepada pengusaha yang tidak dapat ditentukan orangnya, atau tidak dapat dipastikan syarikat pelaburannya. Seperti menyerahkan wangnya kepada beberapa orang yang tidak ditentukan orangnya, atau melaburkan wangnya kepada beberapa syarikat yang disenaraikan tanpa menentukan syarikat manakah yang hendak dilaburkannya. Maka mengikut pendapat yang lebih kuat (*al-Asāḥ*) adalah tidak sah pelaburannya.²⁰

Pemodal atau Pengusaha boleh lebih dari seorang. Mereka juga bebas menjalankan modal mengikut kehendak mereka masing-masing atau sama-sama mengeluarkan jumlah modal yang sama banyak, mereka juga bebas memilih berapakah kadar keuntungan yang dikehendakki berdasarkan persetujuan bersama dari kedua belah pihak.²¹

²⁰. al-Bujairimī, *op.cit.*, jld.3, hlm.161.

²¹. *Ibid.*, hlm.159-160; Ibn al-Humām, *op.cit.*, jld.7, hlm.79.

(2.3) Bebas Menjalankan Perniagaan:

Pengusaha mestilah seorang yang mempunyai kebebasan diri untuk menjalankan perniagaannya, dengan itu ia akan bersungguh-sungguh dan berkayakinan penuh dalam urusniaganya, tanpa gangguan yang boleh menjelaskan perniagaan yang dijalankan.²² Bank Islam Malaysia Berhad telah menetapkan, bahawa pemilik modal tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam pengurusan projek, tetapi boleh mengawasi dan membuat susulan.²³

(2.4) Agen Yang Bijaksana, Jujur dan Amanah:

Pengusaha sebenarnya adalah sebagai agen atau wakil yang memegang amanah harta rakan kongsinya untuk diperniagakan, dan tertakluk kepada peraturan yang telah dipersetujuinya bersama dengan pemodal. Sebagai agen, maka mestilah bersifat amanah dalam melaksanakan kerjanya, bijaksana menjalankan urusniaga dan jujur memikul tanggungjawab, terutama ketika mendapat keuntungan atau kerugian akibat kecuaian atau kejahlannya.²⁴

Pengusaha mestilah seorang muslim yang bersih daripada pecah amanah, tidak berbohong, tulus ikhlas dan disukai oleh rakan kongsi pemodal. Pengusaha hendaklah meyakinkan keselamatan urusniaga *al-Mudarabah* sentiasa terjamin, tiada pembaziran, tiada penyelewengan, tidak boros dan jauh dari anggapan negatif dan tidak boleh dipercayai.²⁵

^{22.} al-Bujairami, *op.cit.*, jld.3, hlm.160.

^{23.} BIMB, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*, hlm.8.

^{24.} Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld.5, hlm.130; Ibn al-Hunfām, *op.cit.*, jld.7, hlm.64; al-Khatīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.310; BIMB, *Mudarabah Financings*, KL: Institut Bank-bank Malaysia, 1994, hlm.4.; M.Umar Chapra, *Ke Arah Sistem Kewangan Yang Adil* (Terjemahan: Ismail b. Omar, KL:DBP, 1990, hlm.263).

²⁵ al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘Alā al-Madhab al-Arba‘ah*, Misr: al-Maktabah Al-Tijariyyah al-Kubrā, 1938M, jld.3, hlm.34-93

(2.5) Memahami Hukum Mu^camalat Islam:

Pengusaha sewajarnya mempunyai pengetahuan dalam memahami hukum-hukum Mu^camalat dalam Islam, supaya urusniaga yang dijalankan sentiasa mengikut landasan Shari^cat Islam yang sebenarnya, atau dapat mengelak dari urusniaga yang tidak halal dan diharamkan oleh Allah s.w.t.. Bagaimana hukum boleh mengharuskan *al-Mudārabah*, sedangkan aktiviti urusniaganya tidak halal, atau barang yang dijual beli atau yang diusahakan itu barang-barang yang haram, seperti arak, bangkai, judi dan sebagainya. Kerana itu Ibn Qudamah dalam kes tersebut bertegas dengan syaratnya bahawa pengusaha *al-Mudārabah* mestilah sekurang-kurangnya seorang Muslim. Kata beliau; orang kafir tidak sah menjadi pengusaha ke atas orang Islam, aqadnya tidak mengikut kehendak Shara^c, kerana ditakuti ada gharar iaitu penipuan dari mereka dalam urusniaga *al-Mudārabah* nanti.²⁶

Pengusaha tidak selamanya mesti hanya seorang sahaja. Syarikat pelaburan yang ahlinya ramai adalah bentuk pelaburan masa kini, ia dikendalikan oleh kumpulan usahawan secara bersepadau sebagai sebuah organisasi. Struktur pentadbiran perniagaannya beroperasi sebagai sebuah syarikat pelaburan yang besar dan mempunyai dana yang banyak. Syarikat pelaburan seperti ini, mestilah pula memenuhi syarat-syarat sebagai sebuah syarikat di samping prinsip *al-Mudārabah* dan *al-Wakalah*.²⁷

²⁶ Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld5, hlm.139

²⁷ al-Khaṭīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.312,

3.2. METERIAL AQAD:

(MODAL, PERUSAHAAN DAN KEUNTUNGAN)

(1) Modal (Capital):

Modal adalah suatu yang sangat pokok dan paling penting dalam memulakan usaha-usaha pelaburan al-Mudārabah. Untuk memenuhi ciri-ciri pelaburan al-Mudārabah dalam Islam, maka antara syarat-syaratnya ialah:

(1.1) Modal Mestilah Wang Tunai:

Modal pelaburan al-Mudārabah mestilah daripada wang tunai sahaja. Bagi harta tetap atau harta yang boleh alih, mengikut *Jumhūr* Ulama tidak diharuskan, ini kerana al-Mudārabah adalah aqad ke atas usahaniaga bagi menjalankan sesuatu projek perniagaan, dengan tujuan mencari untung.²⁸ Untuk menjayakannya, sejumlah modal diperlukan mengikut saiz projek yang diusahakan. Modal yang diperlukan di sini tentulah wang tunai sahaja, kerana ianya mudah laku dalam membeli keperluan projek perniagaan, memudahkan pengiraan nilai modal dalam perkongsian, serta memudahkan untuk menilai nisbah keuntungan. Oleh itu, ia mestilah wang yang boleh laku dan mengalir dalam pasaran semasa.

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dalam perlaksanaannya telah menetapkan;²⁹

***"The Mudārabah Capital must be
in the form of money"***

^{28.} al-Khaṭīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.310; Ibn al-Humām, *op.cit.*, jld.7, hlm.58; Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld.5, hlm.131; Mālik, *op.cit.*, jld.4, hlm.46; al-Bujairūnī, *op.cit.*, jld.3, hlm.159; Shafaqat Memon, (Vice-Presiden Citibank Bahrain Islamic), *Collective Investment Schemes*, KL: International Islamic Central Market Conference, 21-22, March, 1996, p.8.

^{29.} BIMB, *Mudārabah Financings*, (Kertas Kerja Seminar On Islamic Banking Practice (SPTF Series), Holiday Inn City Centre, Kuala Lumpur, September 6-8, 1994, p.3; BIMB, *Bank Islam Penubuhan dan Operasi*, hlm.8

(1.2) Diketahui Jumlah Kadarnya Ketika Aqad:

Modal al-Mudārabah mestilah diketahui kadar jumlahnya dengan tentu, oleh itu modal tidak harus dari wang yang tidak diketahui kadar jumlahnya, sekalipun dapat dilihat di hadapan mata, tanpa mengetahui jumlah kadar modal yang sebenar, maka tidak akan mungkin diketahui jumlah hasil keuntungannya.³⁰

(1.3) Dapat Dilihat *Ainnya* (Bendanya) Ketika Aqad:

Wang modal al-Mudārabah itu mestilah ada di hadapan mata sewaktu aqad, iaitu berada dalam pegangan pemiliknya. Tidak sah dengan wang yang ada pada pegangan orang lain, atau wang yang ada di salah satu tempat, atau wang yang hanya disebut jumlahnya sahaja, tetapi tidak ditunjukkan di hadapan mata.³¹

(1.4) Diserah Segera Kepada Pengusaha:

Wang modal hendaklah diserahkan segera ke tangan pengusaha secara tunai, sebelum usahaniaganya dimulakan. Jika wang modal itu ditangguh, maka rosaklah aqad al-Mudārabah, kerana ia boleh menggagalkan projek yang hendak dijalankan oleh pengusaha.³²

30. al-Khaṭīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.310; Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld.5, hlm.141; Ḥāfiẓ b. Abī Ḫālid, *op.cit.*, jld.4, hlm.46; al-Bujairimī, jld.3, hlm.159.

31. al-Bujairimī, *op.cit.*, jld.3, hlm.159; al-Khaṭīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.310.

32. Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld.5, hlm.138; al-Khaṭīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.310; Ibn al-Humām, *op.cit.*, jld.7, hlm.63; al-Maljāwī, *op.cit.*, hlm.107.

(2) Perusahaan (Utilisation of Fund / Project)

(2.1) Bentuk Projek Perusahaan *al-Mudārabah*:

Projek perusahaan *al-Mudārabah* mestilah ditentukan terlebih dahulu oleh pengusaha, supaya penggunaan modal (Utilisation of fund) dapat dirancang dan dipakai mengikut saiz kecil besar projek yang akan dijalankan, pengusaha tidak dibenarkan menjalankan projek *al-Mudārabah* yang melebihi modal yang dilabur. Projek yang hendak dijalankan mempunyai bentuk-bentuk seperti berikut:³³

(2.1.1) Pelaburan Tidak Berhad (*al-Mudārabah al-Mutlagah*)

Iaitu pelaburan yang tidak terikat dengan jangka masa pelaburan, tidak terhad dengan tempat perniagaan, tidak terbatas dengan jenis-jenis perusahaan, industri atau perkhidmatan, dan tidak terikat dengan pembekal atau pengguna yang patut dilanggani. Pengusaha mempunyai mandat yang terbuka dan bebas memikirkan kemajuan perusahaan yang dijalankannya. Jika berlaku penyelewengan atau kecuaian disebabkan oleh dirinya sendiri, seperti lalai, pecah amanah atau salahguna kuasa, maka pengusaha tersebut bertanggungjawab di atas segala kerugian yang dialami³⁴.

Pelaburan *al-Mudārabah* Tidak Berhad ini, memberi kuasa penuh kepada pengusaha menjalankan projek tanpa sebarang sekatan, tanpa sempadan negeri untuk beroperasi, bebas berurusniaga secara tunai atau tangguh, selama tidak melebihi kebiasaan *curuf* pada masa itu. Aktiviti *al-Mudārabah* boleh

^{33.} Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld.5, hlm.1'38; Ibn al-Humām, *op.cit.*, jld.7, hlm.63; BIMB, *Mudārabah Financings*, KL: Institut Bank-bank Malaysia, 1994, hlm.6.

^{34.} Ibn al-Humām, *op.cit.*, jld.7, hlm.63.

digandingkan dengan *al-Hiwalah* dalam urusan pembayaran dan pembiayaan *al-Mudarabah*, boleh mewakilkan kepada pengusaha lain untuk mengambil tempatnya bagi menjalankan sesuatu projek, harus menjalankan aqad perjanjian *al-Wadiyah*, *al-Ijrah*, *al-Wakalah* dan *al-Rahn*, serta bebas memindahkan harta *al-Mudarabah* dari satu negeri tempat operasi ke satu negeri yang lain.³⁵

(2.1.2) Pelaburan Berhad (*al-Mudarabah al-Mugayyadah*)

Iaitu pelaburan yang menentukan had jangka masa tertentu, menentukan tempat urusniaga, jenis-jenis perusahaan, industri atau perkhidmatan. Mengkhususkan pembekal-pembekal atau pengguna-pengguna yang patut dilanggani. Pengusaha terikat dengan sekatan-sekatan yang disyaratkan, sekiranya pengusaha melanggar syarat-syarat tersebut, maka pengusaha bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kerugian yang menimpa pelaburan itu.³⁶

Pengusaha tidak harus mencampur adukkan harta pelaburan pemodal dengan harta pelaburan orang lain, atau dengan hartanya sendiri tanpa izin daripada pemilik modal.³⁷ Sekiranya pengusaha ingin menyerahkan urusniaganya itu kepada pihak yang lain iaitu pihak ketiga, hendaklah ia mendapatkan persetujuan daripada pemilik modal yang telah melaburkan wang itu kepadanya tanpa keizinannya, usahaniaganya tidak sah dijalankan, pengusaha tersebut tidaklah dikenakan denda (*damān*), iaitu mengikut riwayat al-Hasan daripada Abu Hanifah. Tetapi Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad mengatakan bahawa pengusaha tersebut hendaklah didenda (*damān*), samada usahaniaganya itu menghasilkan keuntungan atau tidak.³⁸

^{35.} Ibid., hlm.63-64

^{36.} Ibid., hlm.64

^{37.} Ibid., hlm.65

^{38.} Ibid., hlm.70.

BIMB Sebagai Perantara:

Dalam kes yang tersebut di atas, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan bank-bank konvensional yang melaksanakan *al-Mudārabah*, sebenarnya tidak menjalankan usahaniaga pelaburannya sendiri. Institusi kewangan tersebut hanya sebagai perantara di antara pemodal dengan pengusaha. Jika sekiranya BIMB dan institusi kewangan Islam yang lain hanya menyediakan "Akaun Tabung Pelaburan" sahaja. Apabila wang pelaburan itu sudah terkumpul dalam Akaun Pelaburan, Bank akan melaburkannya ke dalam syarikat-syarikat pelaburan tertentu atau ke dalam anak syarikat yang telah ditubuhkan seperti Amanah Saham Bank Islam (ASBI), maka Mu'amalah tersebut tidak sah, selagi mereka tidak mendapat keizinan daripada pelanggan yang menabung dalam "Akaun Pelaburan" tersebut.³⁹

Jumhūr ulama daripada Shāfi‘ī, Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbali berpendapat, bahawa pengusaha tidak harus menyerahkan modal kepada orang lain tanpa izin dari pemilik modal. Kerana sewaktu wang tersebut diserahkan, adalah dengan aqad pengusaha itu sendiri yang akan menjalankannya. Tetapi apabila modal itu diberi kepada pengusaha lain, orang itu diluar perkongsian, ia tidak terikat dengan aqad perjanjian dengan pemilik modal. Melainkan jika sekiranya pengusaha tersebut mendapat wakil, sebagai mandat dari pemilik modal. Tanpa mandat yang sah, pengusaha tidak harus menyerahkan modal yang diamanahkan kepadanya kepada sesiapa.⁴⁰

^{39.} Ibid.; BIMB, ASBI, 1994.

^{40.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.314; Shāfi‘ī, op.cit., jld.7, hlm.98; Ibn al-Hunām, op.cit., jld.7, hlm.70; Mālik, op.cit., jld.4, hlm.55; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.5, hlm.152.

Tidak ada apa-apa hak yang patut diberi, samada keuntungan atau upah kepada pengusaha pertama, kerana tidak ada usahaniaga yang dilakukannya. Oleh itu ia tidak berhak mendapat keuntungan walaupun ada disebut dalam perjanjian. Pengusaha kedua juga tidak harus menerima apa-apa upah dan keuntungan, kerana tidak harus ada pemberian hak, dalam harta seseorang yang tidak mendapat izin dari pemiliknya, seperti yang telah dijelaskan oleh Imam Abu Hanifah dan Imam Shafī'i, jika harta tersebut tidak rosak. Jika sekiranya harta itu rosak, maka kata Imam al-Sharif dan Imam Abu Ja'far; wajiblah diganti, bagi pemilik harta, berhak meminta agar mereka memulangkan harta yang masih ada dan mengganti yang rosak itu. Jika terdapat hasil keuntungan, maka ia menjadi hak pemilik harta, pengusaha pertama tidak berhak mendapat apa-apa, kerana tidak ada modal yang dipegangnya dan tidak ada kerja yang dibuatnya. Tetapi bagi pengusaha kedua, ada dua pendapat; Pertama, ia berhak diberi upah, kerana ia telah memperniagakan harta itu, maka wajarlah ia diberi upah. Kedua, tidak harus diberi upah, kerana ia telah memperniagakan harta orang lain tanpa mendapat izin daripada pemiliknya.⁴¹

Hukum yang tersebut di atas boleh dijadikan panduan kepada Bank Islam Malaysia Berhad, dalam melihat aktiviti pelaburan yang telah dijalankan oleh anak syarikatnya, begitu juga bank-bank lain, syarikat kewangan Islam dan koperasi Islam. Apakah semua institusi itu melaksanakan sendiri aktiviti pelburannya, atau sebagai perantara yang menjadi wakil kepada syarikat pelabur yang ada di Bursa Saham, atau sebagai wakil kepada anak syarikat pelburannya senidiri.

Sekiranya mereka adalah sebagai wakil, kepada pelanggan yang melabur melalui Akaun Pelaburan yang ada pada mereka, maka sepatutnya surat aqad

⁴¹. Ibn Qudāmah, op.cit., hlm.152-153; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.314; Ibn al-Hūmān, op.cit., jld.7, hlm.70; Mālik, op.cit., jld.4, hlm.55.

perwakilan itu ada dilaksanakan sewaktu pelanggan menyerahkan wang pelaburan mereka. Aqad pelanggan yang mewakilkan kepada bank atau institusi kewangan untuk mengurusniagakan wang pelaburannya, adalah mandat keizinan pelanggan yang sangat penting untuk menjadikan urusniaga pelaburan tersebut berjalan mengikut prinsip Islam.

Ada institusi kewangan yang menganggap pelanggan telah mengetahui peranan bank, bukan sebagai pengusaha projek, tetapi melaburkan wang pelanggan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan projek perniagaan tertentu berdasarkan prinsip-prinsip Shari'ah. Maka kerana itu bank tidak perlu meminta keizinan pelanggan untuk melaburkan wangnya.⁴²

Sebenarnya, institusi kewangan tidak perlu meminta keizinan pelanggan, jika wang pelanggan itu diusahakan sendiri oleh institusi kewangan yang berkenaan langsung kepada projek pelaburan, atau diusahakan oleh anak syarikatnya sendiri. Tetapi jika wang itu dilaburkan di Bursa Saham, di mana wang pelanggan diserahkan kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan urusniaga institusi kewangan itu sendiri, maka keizinan wajib diminta dari pelanggan.

Sekarang ini Bank Islam dan bank-bank konvensional yang menjalankan SPTF telah menujuhkan suatu tabung AKAUN PENYELARASAN. Tujuannya ialah untuk mengumpul dana pelaburan antara UNIT LEBIHAN (pelabur) dengan UNIT KURANGAN (pengusaha) yang sukar diwujudkan tanpa perantaraan Bank, kerana kemampuan unit-unit tersebut tidak cukup bagi menampung pembiayaan sesuatu projek yang bernilai berjuta-juta ringgit. Dengan adanya TABUNG

^{42.} Soalselidik dengan BIMB, BBMB, Maybank, Bank Rakyat, Abrar Finance, Koperasi Muslimin, Kohilal, Julai, 1996.

tersebut, berlakulah percampuran dana dari berbagai-bagi akaun, bukan sahaja dari akaun pelaburan, tetapi juga dari akaun *al-Wadiah*, dan sebagainya, yang bercampur dengan wang akaun milik orang lain tanpa boleh dielakkan samasekali. Walaubagaimanapun wang yang dikumpulkan dalam satu tabung itu, semuanya dari sumber urusniaga yang halal atau akaun SPTF. Hanya sebagai contoh lihat jadual berikut:⁴³

	1994 (RM'000)	1993 (RM'000)
Akaun Semasa (<i>al-Wadiah</i>)	439,972	349,163
Akaun Simpanan (<i>al-Wadiah</i>)	382,707	325,198
Akaun Pelaburan (<i>al-Mudarabah</i>)	1,278,172	606,856
Lain-lain	446,948	330,465
Jumlah	2,547,799	1,611,682

Sumber: Laporan Tahunan BIMB, 1994, hlm. 39

Jadual yang telah disebutkan itu menyatakan dua Akaun Simpanan mengikut prinsip *al-Wadiah* dan satu lagi Akaun Pelaburan mengikut *prinsip al-Mudarabah*. Tetapi pada amalannya, semua wang tersebut yang datang dari berbagai deposit, dilabur dan diniagakan oleh bank mengikut jangka masa kematangan akaun pelaburan, sekalipun wangnya dari sumber yang berbeza, tujuan yang berbeza, bukan semata-mata dari wang pelaburan pelanggan sahaja. Sekarang wang tersebut yang ada di bank-bank SPTF jika ada lebihan diminta agar dimasukkan ke dalam tabung Akaun Penyelaras. Mana-mana bank yang menghadapi masalah Akaun Kurangan untuk menjalankan pelaburan, maka bank tersebut boleh menggunakan tabung Akaun Penyelaras.

⁴³. BIMB, *Laporan Tahunan*, 1994, hlm.39

Mengikut *Jumhūr* Ulama, tidak halal sesuatu projek pelaburan yang menggunakan modal atau sebahagian modal yang bukan asal untuk pelaburan. Menggunakan wang orang lain yang bukan untuk tujuan pelaburan, adalah dianggap oleh *Jumhūr* Ulama sebagai perampas harta hak milik orang lain (*al-iḥāṣib*) yang diharamkan, disamping mencampur adukkan akaun pelaburan dengan akaun-akaun lain dalam penggunaannya, melalui Akaun Penyelarasan untuk menjalankan projek pelaburan yang berbilion-bilion ringgit, adalah juga bertentangan dengan prinsip Shara^{c44}

Tetapi BIMB telah melaksanakan Akaun Penyelarasan tersebut atas alasan, bahawa Bank bertujuan untuk memerangai sistem riba dalam pelaburan. Sekiranya bank tidak mencampurkan wang dari berbagai akaun itu, Bank tidak akan dapat menghapuskan sistem riba di kalangan masyarakat Islam melalui konsep *al-Mudārabah*.⁴⁵

Apa yang diharuskan oleh ulama fiqh dalam kes wang yang bercampur ialah, apabila pelanggan itu memberikan sejumlah wang, lalu dalam aqadnya menyebutkan sebahagian dari wangnya itu untuk pelaburan (*al-Mudārabah*) dan sebahagian lagi untuk perkongsian (*al-Sharīkah*). Maka percampuran tersebut diharuskan, tetapi dalam mengurusniagakannya wajib diasingkan, pengusaha hanya dibenarkan mengambil separuh untuk urusniaga pelaburan dan separuh lagi diasingkan untuk urusniaga perkongsian. Sekiranya wang yang diaqadkan itu dua ribu, maka seribu untuk pelaburan *al-Mudārabah* dan seribu lagi untuk *al-Mušārakah*.⁴⁶

⁴⁴ al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.310; Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.70; Maṭlik, op.cit., jld.4, hlm.60; Ibn Qudamah, op.cit., jld.5, hlm.152.

⁴⁵ Mahsin Hj. Mansor,(Penyelaras Shariah 1983) *Konsep Sharīkah Dalam Bank Islam*, Sg. Way, Selangor (tanpa Pencetakan), 1403H/ 1983M, Bahagian 2.(No: 3.3.6).

⁴⁶ al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.310.

Selain dari itu, sekiranya projek pelaburan itu bernilai berbilion-bilion ringgit, sehingga tidak cukup modal untuk dilabur, maka *Jumhur* Ulama Fiqh tidak mengharuskannya untuk dilabur. Kerana pelaburan tersebut bukan sahaja akan mengambil wang modal dari akaun orang lain secara tidak sah, tetapi juga akan menjalankan urusniaga melebihi had yang telah diizinkan oleh pemilik modal, dan tidak mendapat keredaannya, maka urusniaga tersebut dianggap oleh ulama sebagai fasid (*al-Mudārabah al-fāsidah*). Kata Imam Ahmad, urusniaganya sah, namun pengusaha mestilah dikenakan denda (ضَعْنَ), tetapi bagi Imam Shāfi‘ī tetap batal, kerana urusniaga tersebut diluar keizinan pemilik modal.⁴⁷

Sekiranya Bank mendapat mandat dari penyimpan Akaun *al-Wadi‘ah* dan akaun-akaun lain untuk dilaburkan, maka itulah satu-satunya jalan yang terbaik dalam menghalalkan wang percampuran dari berbagai-bagai akaun yang dimasukkan ke dalam tabung Akaun Penyelaras Pelaburan. Jika tidak, Bank tidak seharusnya menggunakan wang pelaburan lebih dari jumlah yang ada dalam Akaun Pelaburan, seperti yang telah ditetapkan oleh *Jumhur* Ulama.

2.2) Perbelanjaan *al-Mudārabah*:

(2.2.1) semua perbelanjaan yang berkaitan dengan projek perusahaan yang bukan projek persendirian, adalah di bawah tanggungan wang modal.⁴⁸

47. al-Khatib, *op.cit.*, jld.2, hlm.316; Mālik, *op.cit.*, jld.4, hlm.55; Ibn Qudāmah, *op.cit.*, jld.5, hlm.153. & 136

48. Mālik, *op.cit.*, jld.4, hlm.52.

(2.2.2) Gaji dan upah pengusaha mestilah dipersetujui terlebih dahulu oleh kedua-dua pihak, pengusaha tidak berhak menetapkan terlebih dahulu sebarang gaji pembayaran tetap daripada keuntungan yang diperolehi.⁴⁹

(2.2.3) Barang-barang yang dibeli secara kredit bagi tujuan operasi perniagaan yang dibenarkan adalah menjadi tanggungjawab bersama daripada kedua belah pihak.⁵⁰

(2.2.4) Pengusaha tidak boleh melibatkan perniagaan melebihi dari jumlah modal pelaburan.⁵¹

(2.3) Syarat-syarat Umum Perusahaan al-Mudārabah:

(2.3.1) Perusahaan yang dijalankan dalam projek al-Mudārabah mestilah sebuah perusahaan yang mengeluarkan barang-barang yang halal, bukan yang haram, seperti arak dan sebagainya.

(2.3.2) Perusahaan itu mestilah mengurusniagakan wangnya dengan cara yang halal, sumber yang halal. Bukan wang hasil judi, loteri dan empat nomor ekor. Bukan wang yang syubhat, seperti wang jumpa atau yang tidak diketahui tuannya. Bukan juga wang hasil aktiviti haram seperti hasil pelacuran, rompak, curi dan jualan dadah.

^{49.} Ibid., hlm 48.

^{50.} Ibid., hlm. 58.

^{51.} al-Khatib, op.cit., jld 2, hlm.316; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.5, hlm.153; Malik, op.cit., jld.4, hlm.55.

(2.3.3) Tidak melibatkan pinjaman kewangan riba, simpanan riba dan urusniaga syarikat pelaburan dengan bank secara riba.

(2.3.4) Bukan pelaburan dalam perniagaan pusat-pusat hiburan, karoek, pusat-pusat perjudian seperti Genting Berhad dan sebagainya.

(2.3.5) Bukan pelaburan dalam bidang perkhidmatan-perkhidmatan yang maksiat dan mungkar, seperti pusat latihan membina semangat yang bertujuan menentang Islam dan berjalan dalam suasana maksiat dan mungkar.

(2.3.6) Bukan pelaburan dalam syarikat pembinaan projek-projek yang bertentangan dengan aqidah dan akhlak Islam, seperti projek membina gereja dan rumah-rumah peribadatan orang-orang yang bukan Islam, sekolah-sekolah dan pusat-pusat latihan missionary Yahudi, Kristian dan agama-agama lain selain Islam. Orang-orang Islam dilarang membina gereja atau membesarkannya, kerana ia akan menjadi kufur dan murtad.⁵²

(2.3.7) Bukan pelaburan dalam perusahaan menternak khinzir atau anjing, atau membuat bahan-bahan makanan untuk khinzir dan anjing, atau syarikat pelaburan import dan eksport khinzir.⁵³

Oleh kerana itu, setiap orang yang hendak melaburkan wangnya, hendaklah memastikan terlebih dahulu syarikat atau projek itu bukan perusahaan atau projek yang haram. sekalipun kadang-kadang nama syarikat pelaburan itu halal,

^{52.} al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj Ita Sharh Minhaj*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1967, jld.5, hlm. 369; al-Bujairimi, op.cit., jld.3, hlm.203.

^{53.} Ibn Qudāmah, op.cit. , jld.5, hlm.155.

pengusaha syarikat itu juga terdiri dari pengusaha-pengusaha Islam, tetapi sekiranya perusahaannya haram, maka pelaburannya tetap haram.

Bagi Imam Malik, beliau tidak menggemari seseorang itu melaburkan wangnya kepada pengusaha yang tidak mengenali jualbeli yang halal atau haram, sekalipun pengusaha tersebut seorang muslim. Sebagaimana beliau tidak suka seseorang itu melaburkan wangnya kepada pengusaha yang menghalalkan sesuatu yang haram dalam berjualbeli. Imam Said al-Musayyib pula berpendapat, tidak wajar seseorang itu melaburkan wangnya kepada pengusaha Yahudi atau Nasrani. Kata al-Layth; Rabiah bin Abi ‘Abd al-Rahman, tidak saharusnya seseorang itu melaburkan wangnya kepada pengusaha yang menghalalkan makanan yang diharamkan dalam agamanya.⁵⁴

(3) Keuntungan (Profit):

(3.1) Nisbah Pembahagian Keuntungan (Ratio of distribution of profit):

Nisbah Pembahagian Untung hasil daripada perniagaan al-Mudarabah, hendaklah dipersetujui terlebih dahulu antara pemodal dengan pengusaha, seperti 50:50, 40:60, atau 30:70, atau tertakluk kepada perundingan dan persetujuan antara kedua-kedua pihak. Penentuan nisbah ini hendaklah dimeterai dalam surat perjanjian al-Mudarabah dengan jelas. Kedua-dua pihak mestilah mengetahui jumlah keuntungan bersih yang telah diperolehi, Pembahagian keuntungan tidak

^{54.} Malik, op.cit., jld.4, hlm.57

boleh dilakukan sehingga semua kerugian telah ditampung dan ekuiti pemilik modal telah dapat dikumpul semula.⁵⁵

(3.2) Kerugian (Loss):

Jika berlaku kerugian ke atas usahaniaga perusahaan atau projek pelaburan yang dijalankan oleh pengusaha, bukan kerana kecuaianya dan penyelewengannya, maka kerugian tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pemegang ekuiti atau pemodal. Pengusaha menanggung rugi dengan usahaniaga yang dicurahkannya, pemegang ekuiti pula rugi dengan wang modal yang telah dilaburkannya.⁵⁶

(3.3) Semua Keuntungan Balik Kepada Pengusaha:

Sekiranya dipersetujui semenjak awal oleh kedua-dua pihak, bahawa semua keuntungan akan diambil oleh pengusaha, maka pemilik modal hanyalah dianggap sebagai memberi pinjam, dan pengusaha mestilah menanggung semua kerugian yang berlaku dan bertanggungjawab memulangkan modal. Urusniaga seperti ini dikenali sebagai "al-Qard al-Hasan" seperti yang telah dibincangkan dalam BAB 5 tesis ini.

⁵⁵. Ibn al-Humām, op.cit., jld 7, hlm 60; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.313; Malik, op.cit., jld 4, hlm.52; Ibn Qudāmah, op.cit., jld 5, hlm.140; BIMB, Bank Islam Penubuhan dan Operasi, hlm 8; M Umer Chapra, Ke Arah Sistem Kewangan Yang Adil, (Terjemahan: Ismail bin Omar), KL: DBP, 1990, hlm.264.

⁵⁶. Ibn Qudāmah, op.cit., jld.5, hlm.147-148 & 169; Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.61; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.319-320; Malik, op.cit., jld.4, hlm.53; BIMB, Bank Islam Penubuhan dan Operasi, hlm 8; M. Umer Chapra, op.cit., hlm.264.

3.4) Keuntungan Semua Diberi Kepada Pemilik Modal:

Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju bahawa keuntungan akan diambil oleh pemilik modal, maka ia merupakan sebagai sumbangan dan bantuan kepada pemilik modal yang biasanya dalam sejarah terdiri daripada mereka-mereka yang janda-janda, anak-anak yatim dan institusi-institusi kebajikan. Urusniaga seperti ini disebut sebagai "ibda" atau "bida'ah".

(3.5) Keuntungan Tidak Menentu:

Keuntungan sebenarnya tidak boleh ditentukan, dan tidak boleh dipastikan jumlahnya. Sekiranya untung, jumlah keuntungan tidak boleh ditentukan secara khusus. Kedua-dua pihak hanya boleh setuju dengan nisbah pembahagian yang telah dirundingkan secara bersama. Jika untung banyak, maka banyaklah jumlah yang diperolehi oleh kedua-dua pihak. Jika untungnya sedikit, maka sedikitlah jumlah keuntungan yang diperolehi. Jika rugi, maka pemilik modal akan menanggung sepenuhnya kerugian tersebut.

(3.6) Perselisihan Dalam Membahagi Keuntungan:

Apabila pemodal dan pengusaha berselisih faham tentang pembahagian keuntungan, seperti kata pemilik harta; sepertiga untuk pengusaha dan baki dua pertiga lagi untuk saya?. Kata-kata pemodal itu dibantah oleh pengusaha, katanya; sepertiga untuk pemilik harta dan dua pertiga lagi untuk pengusaha. Maka kata-kata pengusaha itu hendaklah dipakai, kerana ia sama dengan kes seorang pelanggan membawa sehelai kain dan meminta tukang jahit membuat bajunya, kata pelanggannya itu; upahnya satu dirham, tetapi tukang jahit berkata; upah sebenar ialah dua dirham. Maka yang dipakai ialah kata-kata tukang jahit.

3.3. SIGHAH AQAD (IJAB DAN QABUL): (CONTRACT ON OFFER AND ACCEPTANCE)

(1) Lafaz Ijab dan Qabul:

Seluruh aktiviti al-Mudarabah terlibat dalam urusniaga perniagaan, maka syarat-syarat al-Mudarabah terikat dengan syarat-syarat perniagaan jual beli (al-Bai^c). Oleh kerana Sighah adalah sebahagian daripada rukun al-Qirad, maka tidak boleh tidak sighah al-Qirad mesti dengan perkataan Ijab dan Qabul, sebagaimana aqad jualbeli, tidak boleh tidak mesti dengan Ijab dan Qabul. Tetapi ada segelintir ulama berkata ucapan qabul mencukupi dengan "perbuatan" sahaja jika sekiranya ada sighah Ijab. Namun pendapat yang lebih sahih (al-Asah) mengatakan; aqad seperti itu ditegah samasekali (al-Marru Mutlaqan), kerana ia hanya merupakan semata-mata bentuk keizinan "al-Wakalah" dan tidak ada pengkhususan yang tertentu "al-Jur'alah" yang dikenali sebagai "aqad al-Mu'awadah" iaitu aqad semata-mata penyerahan barang-barang tertentu sahaja.⁵⁷

Kata Ibn al-Humam al-Hanafi, sesungguhnya al-Mudarabah pada Shara^c, tidak hanya sekadar menyerahkan wang kepada pengusaha untuk dilabur semata-mata, bahkan ia adalah aqad yang berlaku sebelum Mudarabah itu berjalan. Bagi Imam Hanafi, rukun al-Mudarabah hanyalah Ijab dan Qabul, iaitu dengan lafaz atau pengucapan yang menunjukkan kepada aqad al-Mudarabah, seperti kata pemilik modal; "saya berikan wang ini kepada kamu sebagai Mudarabah atau Muqaradah atau Mu'amalah, atau kamu usahakanlah dengan wang ini atas bahawa kalau ada rezeki Allah, maka kita bagi sama". Lalu dijawab oleh pengusaha; "aku terima". Kerana Ijab dan Qabul mestilah dilafazkan, tanpa menyebutnya akan menyebabkan terbatal aqad al-Mudarabah.⁵⁸

⁵⁷. Khatib, op.cit., jil.2, hlm.313-314;

⁵⁸. Ibn al-Humam, op.cit., jld.7, hlm.57.

(2) Perjanjian Bertulis:

Perjanjian al-Mudarabah boleh dijalankan secara formal atau tidak formal, bertulis atau tidak bertulis, iaitu secara lisan. Jika perjanjian tersebut dibuat secara lisan serta bertulis, dan disertakan saksi, adalah lebih baik dan lebih sempurna, kerana sesuai dengan tuntutan al-Quran yang menghendakki supaya orang-orang yang beriman apabila berjual beli, berhutang piutang, sewa menyewa dan gadai menggandai hendaklah ia menulis surat perjanjian dan membacakan kepada pelanggannya apa yang telah ditulis, serta mendatangkan saksi ke atas perjanjian yang dibuatnya itu.⁵⁹

(3) Aqad Perjanjian al-Mudarabah Yang Sempurna:

Aqad Perjanjian al-Mudarabah yang sempurna dan utama atau yang paling afdal, hendaklah menyatakan beberapa ciri penting tentang urusniaga dalam pelaburan al-Mudarabah, antara perkara-perkara yang mesti dinyatakan dalam perlaksanaan perbankan Islam sekarang ialah:⁶⁰

(3.1) Jumlah Wang Yang Dilabur (The amount of investment):

Iaitu menyatakan jumlah wang yang tertentu, jenis wang dan penyerahan dengan cara tunai serta ada dilihat pada masa aqad dijalankan. Wang pelaburan tersebut hendaklah diserahkan segera kepada pengusaha untuk diurusniagakan. Bagi Akaun Pelaburan Am untuk tempoh 3 bulan ke atas, deposit minimanya ialah RM500.00 dan untuk tempoh 1 bulan ialah RM5000.00. Bagi Akaun Pelaburan Khas al-Mudarabah deposit minima ialah RM0.5 juta. Abrar Finance Berhad menetapkan jumlah minima deposit ialah RM200,000.00.

^{59.} Surah al-Baqarah, ayat 282-283.

⁶⁰ BIMB, al-Mudarabah Deposit, (Kertas Kerja) Seminar On Islamic Banking Practice (SPTF), Holiday Inn City, KL, August, 1994, hlm.3; BIMB, Overview On Islamic Banking Practice, hlm.25;

(3.2) Tempoh Masa Pelaburan (The period of investment):

Dalam perbankan Islam sekarang, pelabur-pelabur telah disediakan tempoh masa tertentu untuk melabur, pelabur boleh melanggan berapa lama masa wangnya hendak dilaburkan. Kebanyakan perbankan Islam sekarang memberikan pilihan tempoh masanya bagi Pelaburan Am, seperti berikut di bawah ini:

1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan
12 bulan	15 bulan	18 bulan	24 bulan
36 bulan	48 bulan	60 bulan	

Bagi Akaun Pelaburan Khas, jangkamasa minimanya ialah 7 hari, jangka masa maksimanya pula ialah 6 bulan.

(3.3) Nisbah Pembahagian Keuntungan

(Ratio of Distribution of Profit):

Aqad al-Mudarabah perlu menyatakan dengan jelas nisbah pembahagian keuntungan kedua-dua pihak. Nisbah keuntungan hendaklah disebut sewaktu aqad berdasarkan rundingan dan persetujuan yang telah dicapai sebelumnya, nisbah tersebut boleh berubah-ubah sesuai dengan perkembangan semasa mengikut persetujuan kedua-dua pihak. Sebagai contoh, Bank Islam Malaysia Berhad sekarang ini menetapkan nisbah pembahagian Akaun Pelaburan Amnya 70 peratus kepada pelanggan, 30 peratus kepada Bank dan Maybank 75 peratus kepada pelabur, 25 peratus kepada Bank.

(3.4) Pembiayaan Pelaburan (al-Mudarabah Financing):

Sekiranya pelaburan di atas itu dibuat melalui pembiayaan, maka Sijil Pelaburan akan dibeli oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan Islam yang dipilih oleh pelanggan, melalui prinsip al-Bai^c Bithaman Ājil. Kaedah pembeliannya sama seperti kaedah jual beli harta yang telah dibincangkan oleh tesis ini, dalam Bab 6: Pembiayaan al-Bai^c Bithaman Ājil.

Jumlah pembiayaan yang boleh diberi oleh Bank atau institusi kewangan ialah RM50,000.00 ke bawah. Tetapi sekiranya pelaburan itu melebihi RM50,000.00, maka pembiayaannya hanya 90 peratus. Sekurang-kurang pembiayaan ialah RM5,000.00 sahaja. Pelanggan mestilah memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh institusi kewangan, seperti had umur tertentu, kelayakan dan kemampuan pelanggan untuk membayar semula pembiayaan, tempoh pembiayaan, kos urusan stamping, sekuriti 3 bulan ansuran bulanan dan sebagainya..

4. PEMBIAYAAN PROJEK AL-MUDĀRBAH

4.1. Projek al-Mudarabah BIMB:

Untuk melihat sejauh mana mekanisme al-Mudarabah berjaya dilaksanakan dalam sistem Muamalat Islam di Malaysia, Bank Islam Malaysia boleh dijadikan contoh perlaksanaan awal, sekurang-kurangnya dapat mengikis keraguan masyarakat Islam, terutama para pelabur muslim, khusunya ahli-ahli

korporat dan para usahawan di atas kemampuan perlaksanaan Mu^cāmalāt Islam dalam Sistem Kewangan Di Malaysia. Lihat jadual di bawah, sebagai contoh:

Jadual Pembiayaan al-Mudārabah

Pelanggan BIMB (1990-1994):

Bahagian	-	1990	1991	1992	1993	1994
Bhg.(1)	Jumlah Akaun	5,029	6,859	-	16,711	29,962
Sektor Utama Ekonomi Negara	Jumlah Pembiayaan	807.8	789.307	1,012.2	996.5	976.9
	Jumlah Pelanggan	51%	52%	-	94%	96%
Bhg. (2)	Kumpulan	355	322	2,243	2,048	3,354
Pembiayaan Pelanggan	Bank	355	322	2,243	2,048	3,354
Bhg. (3)	Kumpulan	391,007	353,692	473,455	754,42	1,559,199
Pembiayaan Pelaburan	Bank	379,069	337,263	431,910	658,919	1,508,176

Sumber: Laporan Tahunan BIMB (1990 - 1994)

Merujuk kepada Jadual Pembiayaan al-Mudārabah yang di atas itu:

(a). **Bhg.(1):** Pembiayaan Projek di Bidang Utama Ekonomi Negara:

"Jumlah Akaun" pembiayaan projek dalam bidang utama ekonomi negara menunjukkan peningkatan pada tiap-tiap tahun daripada RM5,029 juta pada tahun

1990, telah meningkat sehingga RM29,962 juta pada tahun 1994. "Jumlah Pembiayaan" kepada pelanggan *al-Mudārabah*, meningkat tahun demi tahun semenjak 1990 hingga 1994, iaitu daripada jumlah RM807.8 juta pada tahun 1990 kepada RM976.9 juta pada tahun 1994, walaupun mengalami sedikit turun naik pada tiap-tiap tahun kewangan. Tetapi "Jumlah Pelanggan" mencatatkan kenaikan yang menggalakan daripada 51% orang pada tahun 1990 sehingga 96% pelanggan pada tahun 1994.

Faktor utama peningkatan adalah disebabkan Bank terus mengekalkana kedudukan tinggi dari segi pembiayaan kepada pelanggan, selaras dengan permintaan teguh pembiayaan dalam suasana ekonomi negara yang pesat. Selain dari itu adalah disebabkan peningkatan pegangan Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia, yang sebahagian besar bagi mematuhi kehendak-kehendak kecairan berkanun, serta bagi penggunaan dana jangkamasa pendek, hasil dari peningkatan deposit di bulan-bulan terakhir tahun kewangan.⁶¹

(b) Bhg. (2): Pembiayaan Pelanggan:

Bank Islam Malaysia Berhad, buat masa ini berjaya memberikan pembiayaan *al-Mudārabah* kepada pelanggan-pelanggannya, bagi membuktikan prinsip-prinsip Mu'amalat Islam mampu diketengahkan dalam sistem kewangan Islam di Malaysia. Bahagian (2), dari *Jadual Pembiayaan al-Mudārabah* yang lalu itu adalah contoh Pembiayaan BIMB kepada pelanggan pada tahun 1990 sebanyak 355 juta, pada tahun 1994 pula bertambah sehingga kepada 3,354 juta. Faktor pertambahan yang sangat ketara pada tahun 1994 antaranya adalah disebabkan

⁶¹. BIMB, *Laporan Tahunan*, 1990-1993, hlm.7; 1994, hlm.10-11.

BIMB telah mendapat permohonan pembiayaan pelabur dalam Amanah Saham Bank Islam (ASBI) Tabung Pertama yang baru dilancarkan pada 17hb. Mei, 1994.⁶²

(c) Bhg. (3): Pembiayaan di Bidang Pelaburan:

Bahagian (3), dari Jadual Pembiayaan al-Mudarabah yang lalu, adalah sebagai contoh yang menunjukkan, jumlah pembiayaan dalam bidang pelaburan, yang telah dibiayai oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) kepada Kumpulan dan Bank kepada:⁶³

- 1) Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia,
- 2) Syer Tersiar harga di Malaysia,
- 3) Stok pinjaman tersiar harga,
- 4) Syahadah al-Dayn,
- 5) Lain-lain,
- 6) Syer tidak tersiar harga di Malaysia.

Kos pelaburan yang tersebut diatas itu telah dibiayai oleh BIMB dan telah meningkat daripada RM391,007 kepada RM1,559,199 pada tahun 1994 iaitu pembiayaan (Kumpulan). Pembiayaan (Bank) pula daripada RM379,069 pada tahun 1990, meningkat sehingga kepada RM1,508,176 pada tahun 1994. Faktor peningkatan yang ketara itu adalah disebabkan antaranya oleh pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor-sektor utama dan pengeluaran sijil-sijil pelaburan Kerajaan Malaysia.⁶⁴

^{62.} BIMB, *Laporan Tahunan*, 1991, hlm.31; 1992, hlm.54; 1993, hlm.26; 1994, hlm.75

^{63.} Ibid., 1991, hlm.30; 1992, hlm.53; 1993, hlm.25; 1994, hlm.75.

^{64.} Ibid., 1991, hlm.8; 1992, hlm.7; 1993, hlm.6-7; 1994, hlm.10-11.

4.2. Pembiayaan Sektor Utama Ekonomi Negara:

Taburan pembiayaan *al-Mudarabah* dalam bidang-bidang sektor utama ekonomi negara, adalah sangat penting untuk melihat dan menilai, apakah sektor dari komoditi yang halal atau yang haram. Jika sektor komoditi pelaburannya haram atau syubhat iaitu tidak jelas haram atau halal, maka pelaburannya juga akan jadi haram. BIMB telah menyenaraikan syarikat-syarikat pelaburan yang diharuskan oleh Shara^{c.65}. Berikut adalah taburan pembiayaan *al-Mudarabah* dalam sektor utama ekonomi negara, sebagai contoh keupayaan prinsip *al-Mudarabah* yang dilaksanakan oleh BIMB, dalam sistem kewangan atau Mu'amalat Islam di Malaysia:

⁶⁵

Lihat LAMPIRAN (39) : PELABURAN ASBI (LAPORAN PENGURUS 1994/1996)

Taburan Pembiayaan *al-Mudārabah*

Dalam Sektor Utama Ekonomi Negara:

No.	Pelaburan	1992	1993	1994	1995	1996
1	Pertanian	5.2	4.3	3.8	2.7	2.4
2	Perkilangan	30.3	33.5	23.6	32.4	29.4
3	Pembinaan	8.0	7.5	7.8	14.0	25.0
4	Perniagaan Brg Runcit	6.2	6.7	6.4	9.9	6.0
5	Pengangkutan & Pergudangan	3.0	2.6	1.4	2.9	4.9
6	Pembiayaan, Pelaburan & Khidmat Perniagaan	4.0	3.2	2.5	2.7	3.0
7	Hartanah	10.1	7.9	8.8	-	-
8	Lain-lain Perkhidmatan	0.7	1.3	49.9	18.8	14.9
9	Pelbagai termasuk Perumahan	32.5	33.0	0.8	16.6	14.4
JUMLAH		100%	100%	100%	100%	100%

Sumber: Laporan Tahunan BIMB, 1992 - 1996

Merujuk kepada Jadual Taburan Pembiayaan al-Mudarabah dalam sektor Utama Ekonomi Negara yang tersebut itu, banyak tertumpu kepada pembiayaan dalam sektor perkilangan dan perumahan. Sektor perkilangan terus menunjuk keutamaan semenjak tahun 1992 hingga 1996, walaupun keadaan pembiayaan turun naik, tetapi masih menunjukkan keutamaan daripada sektor-sektor yang lain. Pembiayaan sektor perumahan dalam dua tahun pertama (1992 dan 1993) juga menunjukkan langganan pelaburan yang baik, tetapi menurun di tahun-tahun selepasnya. Walaupun begitu pembiayaan beralih secara mendadak ke dalam pelaburan sektor perkhidmatan yang mencatatkan 49.9 peratus. Antara faktor yang menyumbang kepada menurunnya pembiayaan sektor perumahan dan kurangnya pembiayaan di sektor lain, bukan kerana pelabur tidak yakin dengan sistem pelaburan secara Islam, tetapi disebabkan oleh faktor persekuritian pembiayaan perumahan dan juga perdagangan, terutama di sektor perkilangan dan perumahan yang melebihi sektor yang lain.⁶⁶

4.3. Pelaburan Yang Halal

Dengan sedikit pendedahan tentang contoh pembiayaan al-Mudarabah yang telah dilaksanakan oleh BIMB seperti dalam Jadual Taburan Pembiayaan, cukuplah sekadar menjadi hujjah dan bukti yang kuat, bahawa bidang pelaburan mengikut konsep al-Mudarabah mampu bersaing seiring dengan perkembangan ekonomi negara masa kini. BIMB, Perbankan Islam, koperasi-koperasi Islam masing-masing turut berperanan memberikan sumbangan besar kepada perkembangan Mu'amalat Islam di Malaysia. Umat Islam kini semakin terdedah kepada maklumat Sistem Perbankan Islam atau SPTF. Dalam mekanisme

^{66.} BIMB, *Laporan Tahunan*, 1991-1992, hlm.7-8; 1994, hlm.10; (1990 & 1993: tiada laporan dinyatakan).

Pembiayaan *al-Mudārabah*, perkara penting yang sering ditimbulkan oleh pelanggan untuk melabur ialah:⁶⁷

- (1) Projek atau perusahaan pelaburan *al-Mudārabah* tersebut halal atau tidak.
- (2) Bentuk urusniaga dalam syarikat pelaburan mengikut prinsip Islam atau urusniaga riba.

Jika kedua-dua persoalan tersebut tidak diambil kira, sekalipun pelaburan tersebut namanya syarikat pelaburan Islam, maka ia tetap haram jika sekiranya bercampur dengan kegiatan yang diharamkan, maka ia tetap diharamkan, seperti perusahaan menternak dan mengeksport khinzir dan makanannya, syarikat Genting Berhad yang menjalankan kegiatan dalam maksiat dan perjudian, syarikat pelaburan Megnum Corporation Berhad dan Empat Nomor Ekor, Syarikat Loteri Kebajikan Masyarakat yang kegiatannya terlibat dalam kegiatan perjudian, atau seperti kilang-kilang pembuat minuman keras. Oleh kerana itu, jika kegiatan syarikat pelaburan itu dikenal pasti sebagai syarikat yang menjalankan atau terlibat dengan urusniaga haram sekalipun hanya sedikit, tetapi telah bercampur dalam kegiatan yang halal, maka pelaburan tersebut tetap tidak halal.⁶⁸

⁶⁷. Soalselidik (1): Pelanggan SPTF , 1995

⁶⁸. Abd Halim, Dr., *Ke Arah Pasaran Saham Dalam Islam di Malaysia*, (Ceramah Bekas Pengarah Urusan BIMB), di UKM, Bangi, pada 1hb. November, 1996.

Dato Dr. Abdul Halim Hj. Ismail, bekas Pengarah (pertama) BIMB, telah memberikan panduan kepada seseorang yang hendak melabur, agar menjauhi diri dari membuat pelaburan yang haram dan tidak halal, seperti berikut ini:⁶⁹

1. Syarikat pembuatan yang membuat barang-barang haram,
2. Syarikat perniagaan yang menejual barang-barang haram,
3. Bank dan syarikat kewangan yang mengamalkan riba,
4. Hotel yang menjual minuman keras,
5. Syarikat perjudian atau yang terbabit dengan perjudian,
6. Syarikat yang mengamalkan aqad yang *gharar* (tidak jelas),
biasanya membabitkan syarikat insurance.

4.4. Majlis Pengawasan Shari'ah:

Majlis Pengawasan Shari'ah yang dilantik oleh tiap-tiap bank mempunyai tanggungjawab yang sangat berat. Di bahu mereka dibebankan dengan suatu keputusan hukum yang pasti untuk panduan bank dan pelanggannya berurusniaga. Pada mereka terletak halal atau haram, keputusan mereka akan diikut oleh bank dan pelanggannya. Tetapi sejauh mana ahli Majlis Pengawasan Shari'ah yang ada di semua bank perbankan Islam turun ke bawah, melihat satu demi satu projek dan perusahaan pelaburan yang dilaburkan oleh mereka. Kerja tersebut adalah suatu kerja yang rumit dan berat, tetapi hukum halal atau haram tidak akan dapat dipastikan dengan jelas dan tepat sekiranya ijтиhad hanya melalui laporan di atas kertas sahaja.

^{69.} Ibid.; PNB, *Fail Umum*, Fail Perpustakaan PNB, Kuala Lumpur, 1996.

Sebagai contoh, FIMA BERHAD adalah salah sebuah syarikat pelaburan yang disenaraikan sebagai syarikat halal, tetapi subsidiarinya ialah sebuah syarikat yang membuat makanan khinzir. Aktivitinya jelas dilaporkan dalam Laporan Pengurus pada tahun 1996.⁷⁰ Syarikat METRO KAJANG HOLDING BERHAD iaitu sebuah syarikat pelaburan yang juga disenaraikan sebagai halal, tetapi subsidiarinya menjalankan aktiviti Money Lending, Hire Purchaes an Leasing Finance, iaitu urusniaga kewangan riba. Di samping itu terlibat pula dengan syarikat subsidiari dengan perusahaan minuman arak yang disebut sebagai Manufacture of Brandy.⁷¹

Amanah Saham Johor (ASJ), yang pernah diisyiharkan bersih dari aktiviti haram, tidak terlepas dari aktiviti pelaburan yang meragukan hukum halal atau haram. Dalam Laporan Pengurus 1996, syarikat Gold Storage (M) Bhd. adalah syarikat yang mengusahakan makanan dan tembakau, iaitu suatu bahan yang diragukan hukumnya. Selain dari itu ASJ turut terlibat dalam pelaburan syarikat Sime Darbey Bhd. yang mengusahakan kedai bebas cukai dengan penjualan berbagai-bagai jenama arak di Lapangan Terbang Antara Bangsa Sultan Abd. Aziz Shah, Subang.⁷²

BIMB Sekuriti, turut menyenaraikan Choclate Products (M) Bhd. sebagai syarikat pelaburan yang halal, sedangkan dalam laporannya ada pelaburan bersama Local Firm in China Brewery Joint Venture yang urusniaganya sangat-sangat diragukan dilihat dari sudut hukum Shara^c.⁷³

^{70.} PNB, **FIMA BHD**, (laporan Pengurus 1996), Fail Perpustakaan PNB, 1996.

^{71.} PNB, **METRO KAJANG HOLDING BHD**, Fail Perpustakaan PNB, 1997, hlm.31.

^{72.} PNB, **FAIL UMUM**, (Amanah Saham Johor: Laporan Pengurus 31/5/1996), Fail Perpustakaan PNB, 1996.

^{73.} PNB, **Choclate Products (M) Bhd**; Fail Perpustakaan PNB, 22/6/95.

Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang telah diisyiharkan sebagai halal, tetapi masih banyak haramnya sehingga Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-12, pada 21 dan 22, Januari, 1985 mula membincangkannya dan membuat keputusan supaya pihak Amanah Saham Nasional hendaklah menarik balik modalnya di sembilan (9) syarikat yang terlibat dengan riba.⁷⁴

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam pertemuannya kali ke 26, pada 7 dan 8 Mac, 1990 sekali lagi mengambil keputusan menuhuhan Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Ustaz Hashim bin Yahya bagi mengkaji secara lebih terperinci. Jawatankuasa telah menyediakan laporan bertajuk "Laporan Jawatankuasa Kajian Semula Mengenai ASN dan ASB" untuk dikemukakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke 31, pada 9hb. Disember, 1992 dan Muzakarah telah membuat keputusan bahawa:

- (a) Pelaburan ASN dan ASB terlibat dengan riba, kerana dilabur di sektor kewangan yang mengamalkan riba,
- (b) Jawatankuasa Fatwa akan terus mendesak supaya Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengeluarkan pelaburan dari sektor kewangan yang terlibat dengan riba peringkat demi peringkat,

Tetapi apa yang masih berlaku hingga sekarang ini, Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) masih ada menyenaraikan sedikit lagi syarikat perniagaan yang diharamkan mengikut hukum Shara^e,

^{74.} PNB, *ASN & ASB*, Fail Perpustakaan PNB, Kuala Lumpur, 1996.

walaupun sudah ada usaha ke arah menukarkan semua urusniaganya mengikut prinsip-prinsip Islam.⁷⁵

Suatu perkembangan yang baik seperti yang telah diusahakan oleh DCB-RHB Mudarabah Fund, dalam Laporan Syarikatnya bertarikh 24hb. Mei, 1996; bahawa Amanah Saham Islam yang ditawarkan untuk langganan akan di sertakan dengan "Proses Penyucian" bagi memastikan pelaburan yang dibuat adalah 100 peratus halal dan membawa berkat. Proses Penyucian dibuat dengan komputer yang mempunyai perisian khusus pada setiap bulan, apabila syarikat yang dilaburi ada kegiatan yang bercanggah dengan Shara^e, pihak pengurus akan menjual kepentingan dalam syarikat terbabit dengan segera, sebarang pendapatan yang diperolehi daripada kegiatan tidak halal sebelum penjualan itu akan didermakan. Majlis Pengawasan Shari'ahnya tidak sekadar duduk sahaja, tetapi memang benar-benar bekerja secara sistematik bagi menghapuskan sebarang keraguan pelabur.⁷⁶

5. PROSEDUR PEMBIAYAAN AL-MUDĀRABAH

5.1. Memohon Pembiayaan al-Mudārabah:

Olehkerana pelanggan yang ingin melabur sebenarnya tidak mempunyai wang, atau ada wang tetapi tidak mencukupi untuk dijadikan modal pelaburan. Maka Bank Islam dan bank-bank konvensional ada menyediakan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), atau syarikat-syarikat kewangan dan koperasi-koperasi Islam telah menawarkan pembiayaan, kepada mana-mana pelanggan yang ingin melabur yang menghadapi masalah kewangan.

⁷⁵. Ibid..

⁷⁶. PNB, *DCB-RHB Mudarabah Fund*, Fail Perpustakaan PNB, KL, 1997.

Operasi pembiayaan *al-Mudarabah* BIMB, boleh dijadikan sebagai contoh bagi mana-mana institusi yang menawarkan pembiayaan *al-Mudarabah* tersebut. Sebelum pembiayaan diluluskan kepada setiap pemohon, ada beberapa syarat yang telah disediakan oleh pembiaya untuk dipatuhi oleh pemohon, supaya proses permohonan tersebut dapat diluluskan dengan segera dan pelanggan dapat melaksanakan tanggungjawab, di samping dapat menjaga hak-hak dan kepentingan masing-masing dengan sempurna. Di antara panduan dan syarat-syarat penting untuk dipatuhi ialah:⁷⁷

- (1) Kelayakan seseorang yang memohon pembiayaan *al-Mudarabah*,
- (2) Had pembiayaan *al-Mudarabah*,
- (3) Margin keuntungan pembiayaan *al-Mudarabah*,
- (4) Harga jualan pembiayaan *al-Mudarabah* oleh bank dan seumpamanya,
- (5) Tempoh pembiayaan,
- (6) Cagaran,
- (7) Jadual bayaran balik pembiayaan,
- (8) Kaedah bayaran balik,
- (9) Caj-caj yuran prosesan, setem duti dan lain-lain.

Jika pelanggan telah memahami dan bersetuju dengan syarat-syarat yang bersangkut paut dengan perkara di atas, maka Bank akan membayai pembelian saham pelaburan yang dikehendakki oleh pelanggannya itu di atas konsep *al-Bai' Bithaman Ajil*. Dalam hal tersebut, ada beberapa perkara yang boleh dianalisa

^{77.} LAMPIRAN (2): Contoh Peraturan Perjanjian Pembiayaan *al-Mudarabah* BIMB dengan Tenaga National Bhd. (TNB), Feb. 1992, blm.54

untuk memahami prinsip-prinsip yang telah digunakan dalam memproses permohonan pelanggan ke atas pembiayaan pelaburan *al-Mudarabah*:

- (1) Prinsip pembiayaan *al-Mudarabah*,
- (2) Bank sebagai pengusaha dan pembiaya pelaburan,
- (3) Modal dan Keuntungan pelanggan.

5.2. Prinsip-prinsip Pembiayaan *al-Mudarabah*:

Pembiayaan al-Mudarabah, bermakna pelanggan akan diberikan sejumlah wang tertentu sebagai hutang, bagi tujuan membeli saham untuk mendapat keuntungan, melalui sesuatu projek perniagaan atau perusahaan tertentu yang dihalalkan. Oleh kerana projek tersebut adalah projek perniagaan, wang pinjaman itu pula untuk tujuan mencari keuntungan, wajarlah Bank mendapatkan keuntungan sama di atas perniagaan itu. Pembiayaan Bank sebenarnya adalah dari sumber dana yang dikumpul daripada pelbagai pendeposit pelanggan, Bank bertanggungjawab mengurusniagakan wang tersebut dan berhak mendapatkan keuntungan hasil urusniaga yang dilakukannya. Untuk mencari keuntungan yang halal, maka Bank menggunakan prinsip perniagaan ke atas semua bentuk pembiayaan yang diberikannya, dengan menggunakan mekanisme *al-Bai' Bithaman Ajil* seperti yang dibincangkan dalam BAB 6 dalam tesis ini.

Pemberian sejumlah wang kepada pelanggan bukan sebagai bantuan kebijakan atau pinjaman *al-Qard al-Hasan*, kerana pelanggan memohon bantuan bukan kerana disebabkan susah atau sakit, tetapi kerana ingin melabur, berniaga

atau membuat sesuatu projek perniagaan yang tujuannya mencari keuntungan. Cara Bank memberikan pembiayaan dengan mengambil keuntungan atas prinsip perniagaan *al-Bai' Bithaman Ajil*, adalah sesuai dengan firman Allah;⁷⁸

أَحَلَ اللَّهُ التَّبِيعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

MaksudNya;

*Allah s.w.t. telah menghalalkan jual beli dan
mengharamkan riba*

Sekiranya Bank meminta sijil saham itu menjadi cagaran di atas pembiayaan yang diberikannya kepada pelanggan, maka bererti di sana Bank menggunakan satu lagi prinsip hukum Mu'amalat Islam di bawah hukum *al-Rahn*. Setiap saham yang dibeli melalui pembiayaan bank, pelanggan akan melalui beberapa prinsip hukum, iaitu prinsip hukum *al-Bai' Bithaman Ajil*, prinsip *al-Rahn* dan prinsip *al-Mudarabah*.

Pemohon pembiayaan *al-Mudarabah* harus memahami dan membuat analisa sendiri, apabila ia hendak melabur melalui pembiayaan bank. Kerana setiap mekanisme yang digunakan, akan mengikat pelanggan dengan berbagai-bagi syarat dan tuntutan, seperti surat perjanjian, wang prosesan, setem duti, kos peguam dan sebagainya, di samping bayaran balik pembiayaan dengan keuntungan BBA yang mesti dibayar kepada bank. semuanya itu hendaklah menjadi perkiraan dalam memohon pembiayaan agar pembiayaan tersebut sekurang-kurangnya memadai dengan keuntungan yang dijangka akan diperolehi, hasil dari wang pembiayaan yang dilaburkannya.

^{78.} Surah *al-Baqarah*, ayat 275.

Untuk kes pembiayaan BIMB kepada kakitangan TNB, sekiranya kakitangan membeli saham yang bernilai RM4,500.00, pelanggan akan membayar balik pembiayaan bank sebanyak RM6,569.52 iaitu untuk pembiayaan selama tempoh 7 tahun. Jika sekiranya saham yang hendak dibelinya itu bernilai RM45,000.00, maka pelanggan akan membayar balik pembiayaan tersebut sebanyak RM65,695.20 untuk tempoh 7 tahun. Jualan pembiayaan adalah atas keuntungan 11% berdasarkan kadar pulangan sekata atau Constant Rate of Return (CRR).⁷⁹

Pelanggan pertama yang tersebut di atas itu akan membayar RM2,069.52. Pelanggan kedua pula akan membayar RM20,695.20 iaitu bayaran yang lebih dari jumlah pokok pembiayaan yang dimohonnya. Bank akan tetap mendapat untung hasil pembiayaannya kepada pelanggan, sebaliknya pelanggan yang melabur belum pasti mendapat keuntungan dari wang pembiayaan yang dilaburkannya itu, yang pasti pelanggan mesti membayar jumlah pokok pembiayaan (RM4,500.00 atau RM45,000.00) dan jumlah keuntungan bank (RM2,069.52 atau RM20,695.00) itu, sekalipun pelaburannya rugi.

Jadi setiap orang yang hendak melabur melalui pembiayaan seharusnya mempunyai perkiraan yang jauh dan mendalam, apakah dengan membayar balik pembiayaan dan keuntungan bank itu, ia masih mendapat keuntungan hasil dari pelaburannya yang baik, atau ia terpaksa menanggung rugi di atas pelaburannya yang tidak tepat, di samping beban hutang bank yang terpaksa dibayar.

79

LAMPIRAN (40): Jadual Bayaran Balik, Skim Pembiayaan Saham TNB (1988)

5.3. Institusi Kewangan Sebagai Pembiaya:

Setiap ringgit pembiayaan yang diberi kepada pelanggan, bank atau institusi kewangan akan menjualnya berdasarkan sijil saham yang dibeli oleh pelanggan dengan menggunakan prinsip *al-Baic Bithaman Ajil* (BBA). Bank pasti untung dalam jualan tersebut, kerana bank membelinya dengan harga pokok, kemudian menjualnya dengan harga yang dicampur keuntungan BBA. Perniagaan berdasarkan BBA merupakan sumber pelaburan bank sendiri yang pasti menguntungkan bank dan mana-mana institusi kewangan Islam.

Pelanggan tidak sahaja akan membayar kos pembiayaan dan keuntungan, tetapi juga mesti membayar beberapa caj dalam menyediakan permohonan pembiayaan. Jika kos pembiayaan yang dimohon oleh pelanggan berjumlah RM4,500.00, sebagai contoh caj yang akan dikenakan ialah seperti berikut:⁸⁰

(a) Caj semasa menerima tawaran:

(1) Yuran Prosesan	RM15.00
(2) Setem Duti	RM55.00
(3) Perbelanjaan Sebenar	RM50.00
	RM120.00

⁸⁰ LAMPIRAN (4): Contoh caj-caj pembiayaan BIMB

(b) Caj semasa penjualan saham:

- | | |
|---------------|----------------|
| (1) Komisen | RM1.00 + 0.15 |
| (2) Draf Bank | RM1.00 (0.03%) |
| (3) Telegraf | RM1.00 (0.02%) |

(c) Caj semasa pendaftaran dengan nominee:

- | | |
|------------------------------|---------|
| (1) Borang pindah milik | RM10.00 |
| (2) Bayaran perkhidmatan | RM03.00 |
| (3) Pendaftaran pindah milik | RM05.00 |

(d) Caj-caj lain:

- (1) Tuntutan dividen (0.5%) tetap, minima (RM2.00)
- (2) Yuran pengeluaran sijil (0.5%)
- (3) Bayaran peguam
- (4) Bayaran insurance Takaful.

Dengan fakta terperinci seperti yang tersebut di atas, pelanggan pembiayaan mestilah mengetahui terlebih dahulu segala syarat dan tuntutan yang mesti dipatuhi, sebelum membuat keputusan untuk mendapatkan pembiayaan dalam pelaburan. Pendedahan tersebut bukan niat penulis melemahkan cita-cita pelanggan untuk melabur, tetapi penulis beberapa hari duduk memerhatikan keghairahan pelanggan sewaktu hendak melabur Amanah Saham Bank Islam (ASBI), di Bank Islam, Jalan Raja Laut. Terutama mereka yang memohon pembiayaan Bank, ramai antara mereka jahil dalam pembacaan saham dan pelaburan. Keseluruhan mereka meramalkan pada mula ASBI dilancarkan dengan

andaian akan memperolehi keuntungan besar. Tidak ada seorang yang terfikir pada ketika itu, melalui kajian temubual pelanggan, bahawa ASBI akan rugi. Ini menunjukkan pelanggan melabur tanpa menggunakan fikiran, sehingga ada antara mereka yang menjual tanah dan rumah untuk melabur, selain dari memohon pembiayaan dari Bank, dengan harapan, mereka akan dapat membeli rumah yang lebih besar dan tanah yang lebih luas atau lebih bernilai.⁸¹

ASBI telah dilancarkan pada 30hb. June, 1994. BIMB Unit Trust Management Berhad telah mengendalikan pelaburannya ke dalam 48 syarikat, yang telah dikenalpasti oleh Majlis Pengawasan Shari'ah tidak mempunyai sebarang unsur faedah, arak, perjudian dan kegiatan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam, slogan ASBI ialah bersih, suci dan bertambah subur berjaya menarik pelabur seramai 17,406 peserta dari individu dan korporat, dengan pelaburan bersih berjumlah RM149,307,450.00. Tetapi Laporan Pengurus ASBI bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember, 1994 (sebelum diaudit) tidak meningkat dari segi harga belian dan jualan, bahkan jatuh pada paras RM0.93 seunit ketika ditutup.⁸²

Pelanggan yang membeli tunai tidaklah begitu terasa dengan kejatuhan tersebut, tetapi pelanggan yang membelinya melalui pembiayaan Bank, telah menerima pukulan hebat dengan bayaran bulanan melebihi potongan gaji yang jangkaannya boleh dibayar dengan kenaikan harga saham atau dengan keuntungan dividen ASBI sahaja. Jiwa mereka bertambah parah, kerana tanah dan rumah telah terjual, ada yang balik kampung mengumpulkan wang adek beradik, semuanya diajak merebut peluang hendak jadi orang kaya atau orang senang, lalu geran tanah digadai. Tabung yang dijangkakan hanya RM50 juta telah terlebih langganan,

^{81.} Soalselidik (1): melalui temubual pelanggan ASBI, (Semasa Langganan saham 20, Jun dan 4 Julai, 1994) di BIMB, Jln. Raja Laut, KL., 1994.

^{82.} BIMB, *Laporan Pengurus*, ASBI, 31hb. Dis. 1994.

semuanya habis dijual di hari pertama langganan pada 20, Jun 1994, kemudian ditambah menjadi RM100 juta dan habis dijual dalam sehari pada 4, Julai, 1994.⁸³

5.4. Keuntungan Pembiayaan:

Bank memang wajar mendapat keuntungan ke atas urusniaga pembiayaan yang telah dikeluarkannya, keuntungan tersebut bergantung kepada jumlah pokok yang dibiayai serta tempoh pembiayaan. Berikut ini contoh kadar keuntungan pembiayaan al-Mudarabah BIMB kepada pelaburan TNB, iaitu di atas kadar 11% setahun. Harga jualan BIMB berdasarkan kos belian setiap RM1,000 adalah seperti berikut:⁸⁴

Jadual Keuntungan Harga Jualan Pembiayaan Bank:

Tempoh Pembiayaan (Tahun)	Harga Jualan	Amaun Keuntungan
1	1,087.38	87.38
2	1,144.38	144.38
3	1,203.42	203.42
4	1,264.62	264.62
5	1,327.80	327.80
6	1,392.84	392.84
7	1,459.80	459.80

Sumber: BIMB, Keuntungan Pembiayaan Bank, 1992

^{83.} Soalselidik (1): Pelanggan ASBI (identiti minta dirahsiakan), 1996

^{84.} LAMPIRAN (42): Contoh Harga Jualan BIMB.

Jadual yang tersebut itu menunjukkan jualan bank kepada pelanggan setelah dicampur untung melebihi kos pembiayaan atas kadar setiap RM1,000. Jika banyak pembiayaan dimohon oleh pelanggan, maka kadar keuntungan akan bertambah. Semakin lama tempoh pembiayaan, semakin bertambah harga jualan bank dan semakin bertambah pula amaun keuntungan yang mesti dibayar oleh pelanggan kepada bank. Ini menunjukkan bahawa pelanggan terpaksa membayar keuntungan bank mengikut jumlah dan tempoh lama pembiayaan. Ini adalah cara bank menjual pembiayaan tanpa perlu menunjukkannya kepada pelanggan, yang hanya diberitahu harga jualan yang harus dibayar.

Jika sekiranya saham pelaburan pelanggan naik, bank akan turut sama mendapat keuntungan mengikut nisbah yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Bank mendapat keuntungan hasil jualan sijil saham kepada pelanggan melalui BBA, dan mendapat keuntungan sekali lagi jika sekiranya saham pelanggan naik. Pelanggan mesti membayar keuntungan BBA kepada bank, dan terpaksa menanggung semua kerugian, sekiranya saham itu rugi, seperti yang berlaku ke atas pelanggan saham ASBI. Oleh itu bank wajar memikirkan kebijakan pelanggan yang menjadi mangsa saham ASBI, walaupun kesilapan itu dilakukan oleh pelanggan sendiri, tetapi pelanggan harus diberi kefahaman tentang akibat perniagaan melalui pelaburan saham dan pembiayaan yang diberikan, supaya tidak timbul penyesalan disebabkan kejahilan mereka sendiri. Bank harus memikirkan apakah jalan terbaik untuk mengatasi masalah tersebut, samada membuat kajian semula kadar keuntungan pembiayaan ke atas harga jualan BBA yang dianggap tinggi, agar menggalakkan lebih ramai pelanggan melanggani sistem perbankan Islam dengan iman dan keyakinan, bukan dengan kebencian.

6. PRODUK DI BAWAH PRINSIP AL-MUDARABAH

6.1. Produk Perbankan Islam:

Produk yang berjaya dilaksanakan berdasarkan prinsip al-Mudarabah ialah:⁸⁵

- (1) Akaun Pelaburan Am,
- (2) Akaun Pelaburan Khas
- (3) Pelaburan dalam saham atau pembiayaan pemilikan saham
- (4) Pembiayaan Projek.

6.2. Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam:

Pada 3hb. Januari, 1994, Pasaran wang antara bank secara Islam telah dilancarkan, iaitu meliputi aspek-aspek berikut:⁸⁶

- (1) Urusniaga dalam alat-alat kewangan Islam antara bank,
- (2) Pelaburan antara bank secara Islam,
- (3) Sistem penjualan cek secara Islam.

^{85.} BNM, Wang dan Urusan Bank di Malaysia, KL:BNM, 1994, hlm.357-358.

^{86.} Ibid., hlm.365-366

(1) Urusniaga alat-alat kewangan Islam antara bank:

Dengan adanya ketiga-tiga produk tersebut, masalah urusniaga dalam alat-alat kewangan antara bank sebelum ini, yang melalui urusniaga riba dapat dihapuskan. Tidak ada erti bil penerimaan dan sekuriti hutang secara Islam, apabila diurusniagakan dengan bank-bank konvensional yang lain yang menjalankan SPTF, tidak dibenar berurusniaga sesama mereka menerusi instrumen kewangan Islam, sebaliknya mesti diurusniaga dengan cara konvensional riba.

(2) Pelaburan antara bank secara Islam:

Sekiranya sesebuah bank mengalami defisit al-Mudārabah, maka bank tersebut tidak seharusnya menggunakan Akaun al-Wad'ah, bagi menampung kekurangan Akaun al-Mudārabah seperti yang berlaku sekarang ini. Tetapi dengan adanya pelaburan antara bank secara Islam, mana-mana bank yang mempunyai lebihan boleh melabur dengan bank-bank yang mengalami defisit berdasarkan konsep al-Mudārabah. Ini dapat mengatasi larangan Jumhur Ulama tentang percampuran Akaun al-Wad'ah dengan Akaun al-Mudārabah.

Tempoh maksima pelaburan tersebut 12 bulan, minimanya satu malam. Jumlah pelaburan minima RM50,000.00. Nisbah keuntungan dibahagi berdasarkan tempoh pelaburan:

1 malam hingga 1 bulan	:	70 : 30
1 bulan hingga 3 bulan	:	80 : 20
3 bulan ke atas	:	90 : 10

(3) Sistem penjelasan cek secara Islam:

Semenjak 3hb, Januari, 1994, cek-cek di bawah SPTF yang baru telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia untuk Bank Islam Malaysia dan bank-bank perdagangan SPTF. Cek-cek tersebut akan diasingkan daripada sistem cek konvensional bagi tujuan penjelasan cek.

Sistem penjelasan cek tersebut berlandaskan konsep al-Mudarabah. Setiap pukul 12.00 tengah malam, penjelasan cek dilakukan secara automatik di Bank Negara, mana-mana bank SPTF yang mengalami defisit, akan diseimbangkan dengan lebihan SPTF bank-bank lain berdasarkan al-Mudarabah. Nisbah keuntungan ialah 70:30, iaitu 70 peratus untuk bank pelabur, 30 peratus lagi untuk bank defisit.

7. KEGIATAN SPEKULASI, SAHAM DAN PELABURAN DALAM SISTEM MU^CAMALAT ISLAM

7.1. Perbezaan Spekulasi dan Pelabur:

Spekulasi ialah suatu bentuk pembelian saham yang murah pada suatu masa, dengan tujuan untuk menjualkannya atas harga yang mahal pada masa yang lain. Dalam konteks Bursa Saham, spekulasi adalah pembelian aset-aset, yang bertujuan untuk mencapai pulangan modal pada jangka masa pendek.⁸⁷

^{87.} Hj. Azlan Khalili, Saham dan Pelaburan, KL: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm.61.

Seorang pelabur pula mempunyai matlamat untuk mendapat keuntungan sederhana secara tekal, dalam jangka masa panjang. Seorang pelabur yang membeli saham ia tidak bertujuan untuk dijual, tetapi disimpan untuk tujuan menikmati keuntungan yang sederhana. Bukan untuk mendapatkan keuntungan besar sekaligus, bukan ingin memperolehnya dalam jangka masa yang paling singkat.⁸⁸

7.2. Ciri-ciri Seorang Ahli Spekulasi:

Ahli spekulasi sebenarnya bukanlah seorang pelabur yang betul-betul hendak melabur, walaupun mereka sentiasa sebusk dan berada sepanjang masa di tempat pasaran saham seperti di Bursa Saham, Kuala Lumpur (BSKL), atau di BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd. Tujuan mereka ialah untuk memerhatikan arah pasaran saham masa hadapan pelbagai syarikat, yang disenaraikan di papan pertama dan kedua Bursa Saham. Antara ciri-ciri yang jelas dapat dikenali ialah:⁸⁹

- (1) Ahli spekulasi lebih mementingkan faedah dalam jangka masa singkat iaitu dalam tempoh tidak sampai 3 bulan. Sedangkan pelabur sebenar akan menyimpan lama untuk keuntungan yang sederhana.
- (2) Ahli-ahli spekulasi berebut-rebut membeli saham sebanyak-banyaknya pada waktu harga turun, berdasarkan ramalan bahawa arah harga masa hadapan akan naik. Dengan cara ini, mereka mendapat keuntungan melalui perbezaan harga.

⁸⁸. Roslan Hj. Ali, Pelaburan Penilaian dan Penerapan, KL:DBP, 1992, hlm.3.

⁸⁹. Neoh Soon Keon, Stock Market Investment, KL: Berita Publishing Sdn Bhd., 1989, hlm.138-139.

(3) Ahli Spekulasi aktif dalam pasaran saham, membeli dan menjual, bukan tujuan untuk mendapat dividen, tetapi lebih mementingkan keuntungan modal.

(4) Biasanya ahli spekulasi tidak mendaftarkan saham yang mereka beli tanpa ditukar milik, yang penting saham tersebut cepat-cepat dijual pada harga saham tinggi melambung.

(5) Ahli-ahli spekulasi tidak berniat untuk menyimpan sahamnya, kerana ia bukanlah seorang peserta dalam pelaburan. Sedangkan seorang pelabur membeli saham untuk disimpan dengan keuntungan bagi dinikmati dalam jangka masa panjang, maka oleh itu pelabur adalah terlibat dalam perniagaan

(6) Hasil spekulasi tidak boleh dijangka, kadangkala spekulasi menghasilkan pulangan yang tinggi. Tetapi ia juga lebih banyak menghasilkan kerugian yang lebih besar. Maka kerana itu natijah spekulasi tidak pasti.

(7) Ahli-ahli spekulasi sentiasa bimbang dan berjaga-jaga untuk bertindak cepat pada masa yang sesuai.

(8) Spekulasi menyebabkan harga pasaran saham tidak sihat dan tidak tentu arah, kerana mereka bertindak berdasarkan khabar-khabar angin serta gerak hati.

(9) Spekulasi menyebabkan putaran harga saham berlebihan, kerana pembelian yang keterlaluan, iaitu ketika harga diramal naik, atau ketika harga diramal akan jatuh.

(10) Keghairahan ahli-ahli spekulasi membeli dan menjual saham berdasarkan khabar angin yang disebarkan oleh para insider, menyebabkan terjadinya deprisiasi, iaitu kejatuhan harga yang tiba-tiba, yang menyebabkan ramai pihak rugi.

7.3. Islam Mengharamkan Unsur Spekulasi:

Memandangkan buruknya sikap dan kelakuan ahli-ahli spekulasi, seperti yang diterangkan di atas itu, kewujuan mereka dalam pasaran saham bukan sahaja boleh memburukkan lagi kedudukan harga saham, tetapi juga akan menjelaskan kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Seorang penganalisis ekonomi berpendapat; Bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) setelah mengalami kerugian RM12 juta pada tahun 1993, adalah kerana menjual sejumlah besar mata wang Malaysia kepada bank perdagangan. Ini menyebabkan kejatuhan nilai mata wang ringgit. Bank Negara Malaysia telah membuat langkah bagi menghadapi kejatuhan wangnya, dengan menghalang ahli-ahli spekulasi mata wang antara bangsa, daripada memanipulasikan mata wang ringgit.⁹⁰

Oleh kerana ahli-ahli spekulasi lebih cekap mengambil kesempatan dalam saat-saat kejatuhan nilai saham dan memanipulasikan harga, maka jelas ia merupakan unsur-unsur yang dilarang dalam Islam, kerana:

^{90.} BNM, Wang dan Urusan Bank di Malaysia, 1994, hlm.396.

(7.3.1) Sumber Pinjaman Riba:

Jual beli saham melalui ahli-ahli spekulasi di pasaran saham, hampir keseluruhannya menggunakan sumber-sumber pinjaman riba. Dengan sijil saham, pelanggan akan menggunakannya sebagai cagaran (collateral) bagi memohon pinjaman riba, atau dengan menggadaikannya bagi mendapatkan pinjaman kilat.

(7.3.2) Tiada redha meredhai dalam jual beli:

Islam mengharuskan mengambil keuntungan melalui jual beli, tetapi mestilah di atas dasar redha meredhai antara kedua-dua pihak. Sifat tersebut tidak wujud melalui spekulasi. Allah s.w.t. berfirman, maksudNya;

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, Melainkan sesungguhnya kamu berada dalam perniagaan yang redha meredhai sesama kamu.⁹¹

(7.3.3) Bercampur halal dengan yang haram:

Sekiranya pelaburan yang disenaraikan di BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd. itu bersih dan halal, tetapi terlibat dalam jual beli spekulasi yang mengurusniagakannya secara riba, maka pembelian saham di pasaran saham tidak boleh dianggap bersih sekalipun disenaraikan sebagai bersih, kerana cara jual beli adalah dengan cara yang tidak bersih. Dalam *Qawā'id fiqhīyyah* tidak mengharus kaedah; "Matlamat menghalalkan sebarang cara" (ends justify the means).

^{91.} Surah *al-Nisa*, ayat 29

Mahdhab Shafī'i dan Maliki daripada pendapat yang terkuat (الأشجع) mengharamkan jual beli yang bercampur dengan cara yang haram. Aqad hanya sah pada barang yang dijual beli dengan cara halal, dan batal pada barang yang dijual beli dengan cara haram.⁹²

(7.3.4) Tidak ada hak milik yang sah:

Islam mengharamkan menjual barang sebelum menjadi hak miliknya yang benar-benar sah mengikut hukum Shara^c. Spekulasi menjual saham kepada orang lain sebelum benar-benar menjadi hak miliknya yang sah, adalah suatu bentuk jualbeli yang tidak diharuskan oleh Shara^c.⁹³

Sedangkan spekulator membeli dan menjual saham dengan jualan pendek (short sale), di mana ahli spekulasi tidak memiliki saham terebut, kerana kebanyakkan saham yang dijualbeli oleh ahli spekulasi adalah saham-saham yang tidak didaftarkan, atau belum sempat didaftarkan dan jauh sekali untuk dipindah milik.

(7.3.5) Menjual saham atas jualan orang lain:

Islam mengharamkan seseorang menjual sesuatu atas jualan saudaranya. sebagai contoh; spekulator "A" ingin menjual saham kepada pelabur "B", yang sedang berurusan hendak membeli saham daripada spekulator "C", spekulator "A"

^{92.} al-Khaṭīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.37 & 39

^{93.} al-Khaṭīb, *op.cit.*, jld.2, hlm.37.

berkata kepada "B" agar jangan membeli saham yang dijual oleh spekulator "C", kerana sahamnya (spekulator "A") lebih murah, atau ia akan menjual kepadanya dengan harga yang sama atau yang lebih baik daripada saham spekulator "C".

Atau spekulator "C" menemui spekulataor "A" dan memintanya agar jangan menjualkan sahamnya itu kepada pelanggan "B". dia sanggup membelinya dengan harga yang lebih mahal, atau dengan sesuatu yang lebih baik.

Kedua-dua cara jual beli yang tersebut di atas itu adalah suatu bentuk jual beli yang diharamkan oleh Islam (الْبَيْعُ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ) iaitu menjual atas jualan saudaranya. Inilah yang sering diamalkan oleh ahli-ahli spekulasi dalam menjual dan membeli saham-saham di Bursa Saham.⁹⁴

(7.3.6) Spekulasi mengamalkan jual beli "al-Najsh"

Jual beli "al-Najsh" atau "al-Tanājush" iaitu suatu sindiket atau helah yang dibuat oleh spekulator, untuk menarik atau mempengaruhi pelabur, agar membeli saham yang ada di tangannya. Contohnya; ahli spekulasi "A" berpapak dengan seseorang atau dengan ahli spekulasi yang lain "B" atau dengan mengupahnya agar berpura-pura hendak membeli saham yang ada di tangan si "A". Tujuannya untuk menipu pelabur "C" supaya membeli cepat-cepat saham yang ada di tangan spekulator "A" dengan harga yang lebih tinggi. Ini disebut sebagai jual beli "al-Najsh" yang diharamkan oleh Shara^c, tetapi sangat popular diamalkan oleh ahli-ahli spekulasi di pasaran saham.⁹⁵

^{94.} al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.37; Shāfi‘ī, op.cit, jld.7, hlm.188.

⁹⁵ al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.37; Shāfi‘ī, op.cit., jld.7, hlm.185

Imām Bukhāri meriwayatkan sebuah Hadith, maksudnya:⁹⁶

*Daripada Abū Hurairah r.a. RasūluLlāh s.a.w. bersabda;
Janganlah kamu semua berjual beli dengan cara "Tanājush".*

(7.3.7) Spekulasi ada unsur perjudian:

Terdapat unsur-unsur perjudian berlaku dalam spekulasi menyebabkan ia diharamkan, kerana jualbeli saham melalui spekulasi tanpa perhitungan yang mendalam, ikut nasib seperti pemain-pemain judi. Tidak mengharapkan keuntungan jangka panjang, keuntungan yang dicari adalah atas dasar kerugian orang lain, kerana pelabur akan membeli saham spekulasi bukan dengan harga sebenar dan bukan dengan nilai komoditi yang baik untuk pasaran, tetapi kerana tipu helah ahli spekulasi yang pandai mempengaruhi para pelabur.

Cara jual beli seperti itu adalah sebagai suatu pertaruhan pemain-pemain judi, yang menjadi mangsa perjudian. Para pelabur dilihat seperti orang yang kalah judi yang menyesali sikap mereka dan mereka menghadapi tekanan perasaan, kerana saham yang mereka beli sebenar tidak bernilai atau menghadapi deprisiasi. Mereka membelinya semata-mata kerana terpengaruh oleh kelincahan ahli-ahli spekulasi sahaja. Akhirnya mereka meninggalkan tanggungjawab ke atas anak isteri dan terhadap Allah. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:⁹⁷

*Cukuplah orang yang dilalaikan oleh perniagaannya
dengan berjual beli, hingga jauh dari mengingati Allah.*

^{96.} al-Bukhāri, op.cit., jld.2, hlm.148.

^{97.} Surah al-Nūr, ayat 37.

(7.3.8) Ada jual beli "al-Gharar" dalam spekulasi:

Jual beli al-Gharar iaitu suatu penipuan dengan menjual harta yang bukan hak miliknya. Perbuatan menjual harta yang tidak ada dalam pegangannya atau menjual harta yang tidak diketahui sifat atau jenisnya, atau menjual harta yang tidak boleh diserah hak milik dengan cara yang sah atau yang sempurna kepada pembelinya, adalah jual beli al-Gharar yang diharamkan kerana boleh berlaku penipuan keatas pembeli. Jual beli al-Gharar juga adalah seperti menjual ikan yang masih ada di dalam sungai, atau seperti menjual susu yang masih belum diperah dari embing susu kambing atau lembu, atau seperti menjual anak kambing atau anak lembu yang masih dalam perut ibunya, maka jual beli seperti itu adalah jual beli al-Gharar yang diharamkan dan tidak sah.. Oleh kerana itu, ahli-ahli spekulasi yang menjual saham dengan cara yang cepat, pantas, supaya pelanggan tidak sempat meneliti syarikat-syarikat pelaburan halal atau haram, sebahagian besarnya pula saham yang dijual itu belum menjadi hak miliknya yang sah, maka kerana itu, kegiatan tersebut sama dengan jual beli gharar yang diebutkan di atas. Abu Hurairah meriwayatkan yang maksudnya,⁹⁸

Rasulullah s.a.w. melarang seseorang dari menjual barang al-Hasat iaitu membaling batu, dan dengan cara al-Gharar iaitu menipu.

(7.3.9) Ahli spekulasi memanipulasi harga saham:

Saham-saham pelaburan yang dijual di pasaran saham adalah dengan harga yang tetap dan stabil, tetapi apabila ahli-ahli spekulasi campur tangan dalam jual beli saham-saham Islam, maka saham-saham tersebut tidak akan terlepas dari dimanipulasikan oleh ahli-ahli spikulasi. Sekiranya Islam melarang seseorang

^{98.} Muslim, op.cit., jld.3, hlm.1153; al-Bukhari, op.cit., jld.2, hlm.148

melakukan jual beli *al-ihtikar*, iaitu menyimpan dan menyembunyikan barang dari dijual di pasaran, dengan tujuan supaya harga barang tersebut akan naik, maka Islam juga melarang memanipulasi harga barang atau saham, supaya harga barang atau harga saham itu naik.

7.4. Pasaran Saham:

(7.4.1) Pasaran saham BSKL:

Pasaran saham adalah suatu kegiatan perniagaan jual beli saham. Kegiatan tersebut memerlukan tempat untuk para pelabur bertemu membeli dan menjual saham. Pasar saham hampir sama perananannya dengan pasar barang, di mana setiap orang datang bertemu dengan tujuan untuk menjual barang atau membeli barang-barang yang diperlukan. Jadi pasar saham adalah suatu keperluan urusniaga di Malaysia masa kini, kerana ia menyampaikan hajat dan keperluan orang ramai. Namun ada pendapat yang beranggapan pasaran saham BSKL, adalah kurang baik untuk urusniaga syarikat-syarikat *al-Mudarabah*. Yang kurang baik bukan kerana pengendalian pasar itu, pengendaliannya cukup canggih. Tetapi ialah kerana cara urusniaganya tidak mengikut Shara^e. Cara urusniaga yang ada sekarang pada prinsipnya sama dengan pasaran saham di Eropah, tetapi tidak sesuai dengan pasaran saham yang mengurusniagakan syarikat-syarikat pelaburan yang halal, kerana kegiatan ahli-ahli spekulasi menyebabkan pasaran saham dicemari dengan urusniaga riba, fasid dan kurang sesuai mengikut prinsip-prinsip hukum Islam.

Bursa Saham Kuala Lumpur mengurusniagakan lebih 400 buah syarikat pelaburan yang berdaftar, tetapi yang diperakukan oleh Majlis Pengawasan

Shari'ah tidak bertentangan dengan prinsip Islam hanyalah 160 syarikat sahaja, syarikat pelaburan yang lain tidak diperakukan sebagai bersih oleh Majlis Pengawasan Shari'ah, kerana tidak menepati keriteria yang dikehendakai oleh Islam dan terlibat dalam penjualan saham singkat melalui spekulasi. Walaubagaimanapun seorang pakar ekonomi Islam Malaysia menjelaskan, spekulasi yang berlaku dalam pasaran saham tidak diharamkan asalkan tidak dilakukan secara berlebih-lebihan, seperti tidur dan makan, asalnya harus, tetapi apabila dibuat secara berlebih-lebihan ia boleh memudaratkan, kerana itu ia diharamkan.⁹⁹

Pasaran saham BSKL, adalah tempat saham tersenarai diperniagakan. Papan Utama menyenaraikan saham syarikat modal yang berbayar RM20 juta ke atas, Papan Kedua menyenaraikan saham syarikat modal berbayar antara RM5 juta hingga kepada RM20 juta. Kebanyakan sektor perindustrian memperolehi sumber kewangan daripada Bursa Saham. Seorang yang ada wang lebihan untuk dilaburkan boleh membelinya mengikut pilihannya di Bursa Saham. Oleh kerana saham adalah aset mudah cair, maka ia boleh dijualbeli mengikut hukum Sharac dan boleh dibiayai oleh bank.

Ada yang berpendapat, pasaran saham BSKL sekarang, sedang menuju proses Islamisasi. Antara faktornya ialah kerana ada pengharaman kegiatan penjualan saham untuk mengaut keuntungan, keduanya kerana ada terdapat kegiatan perdagangan dalaman dan ketiga kerana adalanya spekulasi. Pasaran saham perlu menerima perubahan ke arah pasaran saham Islam yang bebas dari

^{99.} Othman al-Habshi, Dr., *Pengaruh Islam Terhadap Ekonomi*, (Kertas Kerja Seminar, di IKIM, KL, 17hb. September, 1993).

riba dan spekulasi, kerana terlalu ramai umat Islam sudah mula terbabit dalam kegiatan urusniaga pasaran saham BSKL.

(7.4.2) Peranan ahli spekulasi dalam pasaran saham:

Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohd. Salleh Abd. Majid mengatakan; "Jika spekulasi dikikis terus dari pasaran kita, pasaran kita akan menjadi bosan dan sughul seperti kebanyakan pasaran di negeri-negeri Eropah hari ini".¹⁰⁰

Seorang pakar ekonomi Islam Malaysia menjelaskan dalam bukunya; Bahawa ahli spekulasi adalah seorang kaki judi, terlalu sukar untuk mengenal pasti dan meneliti risiko yang ditanggungnya, kerana ketiadaan kajian yang bersistem, dan hanya bergantung kepada nasib sahaja. Seorang kaki judi dalam jangka masa panjang, akan sentiasa berada dalam kerugian dan ramai yang menderita pada masa tuanya.¹⁰¹

Syarikat pelaburan perjudian seperti Genting Berhad, Sport Toto Malaysia Bhd. dan Magnum Corporation Bhd. sentiasa untung. Jadi yang sentiasa rugi ialah kaki judi, bahkan ramai menghadapi masalah kewangan, sanggup bergadai dan berkelahi dengan anak dan isteri. Ini semua sifat-sifat yang tidak sepatutnya wujud di kalangan para pelabur Islam. Spekulasi dan perjudian semuanya boleh membawa padah dan kerugian.¹⁰²

^{100.} Mohd. Salleh, Datuk, "*SAHAM*", Ceramah Anjuran Koperasi Muslimin Bhd. diadakan di Dewan Ceramah, Masjid Negara, pada 23hb. Mei, 1993.

^{101.} Roslan Hj. Ali, *Pelaburan, Penilaian dan Penerapan*, KL: DBP, 1993, hlm.4.

^{102.} Ibid..

Seorang lagi pakar ekonomi Islam di Malaysia berpendapat; Spekulasi menyebabkan harga pasaran bergerak secara tidak sihat dan tidak tentu arah. Ahli spekulasi mahu dapat pulangan daripada perbezaan harga dan hanya terlibat dalam transaksi jangka pendek. Mereka tidak mempunyai keupayaan untuk membuat ramalan. Beliau memetik satu kajian yang dibuat di Amerika Syarikat, 75 peratus daripada ahli spekulasi kehilangan wang, kerana spekulasi yang besar sentiasa untung berdasarkan keuntungan di atas keuntungan spekulasi yang kecil.¹⁰³

Seorang pakar ekonomi Islam luar negeri dalam kertas kerjanya menyebutkan; Ahli-ahli spekulasi hanya memainkan harga saham untuk keuntungan mereka sendiri, bukan untuk keuntungan para pelabur atau pemilik saham dan tidak juga memberi apa-apa keistimewaan atau kelebihan pada produk atau saham yang dijual itu.¹⁰⁴

Kegiatan ahli spekulasi mengambil untung atas angin, bukan berdasarkan faktor yang nyata. Islam melarang seseorang pelabur menjual sahamnya yang belum menjadi hak miliknya yang sah, supaya tidak berlaku jual beli *gharar* iaitu penipuan dalam jual beli, , Islam juga melarang seseorang pelabur itu menjual saham yang belum diserahkan ke dalam pegangannya, sekalipun sudah ada perjanjiannya, tetapi belum boleh mengurusniagakannya, kerana belum dianggap sah selagi belum sampai ke dalam pegangannya. ¹⁰⁵

103. Petikan daripada Hj. Azlan Khalili Hj. Shamsuddin, SAHAM DAN PELABURAN, KL: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm.63.

104. Umar Ibrahim Vadillo, Islamic Trading: A New World Trade OrderIntroduction: A World Trade Order Backround, The Foundations of Islamic Trading, (Kertas Kerja Seminar), Anjuran BAKTI Bank Negara Malaysia, (t.t), hlm.5.

105. Muslim, op.cit., jld.3, hlm.1153. & 1159-1160

Kenaikan harga barang secara biasa tidak dianggap spekulasi, tetapi kenaikan tinggi yang disengajakan dan dipaksakan secara mendadak melalui usaha ahli-ahli spekulasi, dengan tujuan mencari keuntungan yang berlebih-lebihan dan tidak sepadan dengan nilai barang, boleh dianggap sebagai spekulasi. Seperti penggunaan air dalam keadaan sesuai dengan keperluan, maka itu diharuskan, tetapi apabila air diguna secara berlebih-lebihan, maka itu perbuatan membazir yang dilarang oleh Islam. Api yang digunakan secara baik untuk keperluan, maka itu berfaedah dan diharuskan, tetapi apabila diguna secara melebihi had keperluan, maka ia akan membahayakan dan tidak diharuskan.

(7.4.3) Pelaburan Al-Mudarabah di BSKL:

Dengan tertubuhnya BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd., maka kegiatan al-Mudarabah akhir-akhir ini banyak tertumpu kepada kegiatan di bidang pelaburan urusniaga saham. Pembabitan pelabur Islam di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) semakin meningkat, tidak terkecuali syarikat pelaburan Islam yang mengikut prinsip-prinsip al-Mudarabah. Tujuannya ialah untuk meluaskan pasarananya, di samping meningkatkan keupayaan daya saingnya menguasai dana dengan syarikat lain di pasaran saham (BSKL).

Pasaran saham, adalah tempat di mana wang yang berlebihan boleh dialihkan untuk pelaburan setiap hari perniagaan bernilai berjuta-juta ringgit telah diurusniagakan, tanpa pasaran saham seperti Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan BIMB Securities Sdn. Bhd. di Kompleks Damai, saham-saham syarikat tidak ada tempat untuk diurusniagakan. Pertumbuhan ekonomi moden dalam trend

urusniaga saham memerlukan institusi seperti BSKL dan BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd. yang dapat menawarkan modal kewangan jangka panjang termasuk sekuriti, stok korporat dan saham.

(7.4.4) Keperluan Kepada Bursa Saham Tanpa Riba:

Kini pasaran saham (BSKL) telah menjadi tempat kunjungan para pelabur Islam yang ingin menjalankan urusniaga mereka. Oleh itu pasaran saham adalah suatu keperluan dalam dunia perniagaan masa kini. Apakah institusi tersebut diharuskan dalam Islam, pada prinsipnya ia bukan sebuah institusi yang kewujudannya bertentangan dengan Islam. Kewujudannya samalah seperti pasar-pasar peniagaan biasa yang lain yang menjual berbagai-bagai komoditi barang, ada yang halal dan ada yang haram. Tetapi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), bukanlah satu-satunya tempat yang baik seperti masjid, iaitu tempat yang paling baik untuk beribadah. Bursa Sham Kuala Lumpur bukan tempat terbaik yang sesuai untuk memasarkan saham-saham syarikat *al-Mudārabah*. Jika ada tempat yang terbaik dan lebih sesuai dengan urusniaga Mu'amalat Islam, aktiviti dan suasannya selaras dengan lunas-lunas Islam, maka ianya patut menjadi pilihan para pelabur Islam. Buat masa kini, BIMB Securities menjadi pilihan para pelabur, walaupun syarikat pelaburan disenaraikan masih bercampur-campur dengan yang tidak halal, dan BIMB Securities tidak mengurusniagakan saham yang diragukan. Tetapi pelabur masih belum dapat memastikan dengan jelas sesebuah syarikat yang disenaraikan halal, apakah semua subsidiarinya sudah dipastikan halal, kerana tidak ada senarai kegiatan urusniaga yang dijalankan oleh subsidiari untuk dianalisa oleh para pelabur sendiri. Mungkin dengan ura-ura mewujudkan Indeks Islam akan dapat menyelesaikan masalah tersebut, kita harap ia akan menjadi suatu kepastian.

Para belabur Islam dan umat Islam di negara ini, sangat mengharapkan suatu masa nanti Bursa Saham Tanpa Riba dapat diwujudkan di Malaysia, supaya kegiatan yang dijalankan oleh ahli-ahli spekulasi bertukar menjadi kegiatan yang mengikut prinsip-prinsip hukum Islam, yang berperanan sebagai wakil-wakil penjual saham Mu'amalat Islam yang mematuhi hukum *al-wakalah* dan *al-hiwalah* dan *al-Kafalah*. Tidak ada unsur perjudian, tidak ada bentuk jual beli *gharar*, tidak ada pinjaman riba dalam pembelian hutang ke atas saham halal, tidak ada jualan saham yang belum menjadi hak milik penjual yang sah menurut Islam, tidak ada saham yang dijual mengandungi syarikat subsidiari haram yang berselindung di bawah nama syarikat yang disenaraikan halal dan bersih dari kegiatan yang bertentangan dengan Shari'at dan akhlak Islam. Para pelabur di pasaran saham BSKL dinasihatkan agar tidak membabitkan diri dalam urusniaga saham yang tidak halal. Mereka seharusnya tidak gelap mata dalam mencari rezki yang halal, kerana Majlis Pengawasan Shari'ah telah menyenaraikan 160 buah syarikat halal yang boleh dilanggani oleh para pelabur Islam.

Kalau sekiranya Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) berjaya ditubuhkan, Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) juga boleh dijalankan dalam bank-bank konvensional, Pasaran Wang Islam Antara Bank, BIMB Securities (Holdings) Sdn. Bhd., Syarikat Takaful Malaysia Bhd. boleh dilaksanakan, kenapa tidak Bursa Saham Mu'amalat tidak boleh diwujudkan, sedangkan Bank Islam, SPTF atau Perbankan Tanpa Faedah dapat dilaksanakan ditengah-tengah bank-bank konvensional. Bukankah ia menjadi asas yang kukuh bagi menyumbang kepada penubuhan Bursa Saham Mu'amalat yang pertama seumpamanya di dunia Islam yang menjalankan urusniaga syarikat-syarikat *al-Mudarabah* bukan sahaja untuk syarikat dan pelabur tempatan, tetapi juga di peringkat antara bangsa, khusunya syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur dari negara-negara Islam seluruh dunia.

(7.4.5) Identiti Bursa Saham Mu'amalat Tanpa Riba:

Bursa Saham Mu'amalat Tanpa Riba mestilah mempunyai identiti yang tersendiri, yang boleh membuktikan kemampuan yang bersepadau dalam perlaksanaan urusniaga al-Mudarabah. Mematuhi semua tuntutan hukum aqidah, Shari'ah dan akhlak Islam yang murni, agar tidak menjadi Bursa Saham Islam yang melalaikan para pelabur dengan urusniaga saham dan semua yang terlibat dengannya dari mengingati dan mendekati Allah s.w.t. Iaitu pemilik segala kekayaan, sebagai Tuhan semesta alam yang patut disembah.

Sistem Perbankan Tanpa Faedah berjaya menarik ramai pelanggan-pelanggan yang bukan Islam. Maka tidak mustahil Bursa Saham Mu'amalat Tanpa Riba akan menarik lebih ramai para pelabur yang bukan Islam. Kerana suatu masa nanti, manusia pasti akan tercari-cari kemurnian dalam semua keperluan hidup. Islam memberikan keyakinan melalui urusniaga al-Mudarabah dan pembiayaan tanpa riba, tidak hanya sekadar menjanjikan keuntungan material, tetapi juga menjanjikan keberkatan dalam hidup seseorang.

7.5 Zakat dan Prundingan al-Mudarabah:

Wang dan keuntungan memang mempengaruhi seluruh kegiatan ekonomi, melalui sistem al-Mudarabah Islam mengatur bagaimana wang itu diurusniagakan dengan cara yang bersih dan halal. Dalam Islam matlamat yang baik tidak menghalalkan sebarang cara, untuk mencari keuntungan yang besar Islam mengharamkan riba dan menghalalkan jual beli. Selepas keuntungan besar diperolehi, Islam tidak melepaskan manusia dalam keadaan rakus dan tamak

dengan keuntungan tersebut. Mereka terus dibimbang supaya mengeluarkan zakat dan memberi sedekah, membantu fakir miskin dan yang susah. Zakat mesti dibayar oleh orang-orang korporat yang kaya, kerana kekayaan mereka sebenarnya atas kepenatan orang-orang yang tidak kaya sepertinya, maka zakat akan membersihkan hati dari tamak haluba serta membersihkan hartanya dari segala risiko buruk, supaya tinggal menjadi harta yang berkat sahaja.

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai contoh telah mengeluarkan zakat (Kumpulan) sebanyak RM956 ribu, dan zakat (Bank) sebanyak RM662 ribu pada tahun 1994, Bank Islam tersebut terus berdiri tegak dan gagah untuk melaksanakan urusniaganya sehingga ke hari ini. Jumlah zakat yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:¹⁰⁶

JADUAL ZAKAT BANK ISLAM MALAYSIA (1990 - 1994):

Zakat	1990 RM'000	1991 RM'000	1992 RM'000	1993 RM'000	1994 RM'000
Kumpulan	523	784	829	916	956
Bank	449	663	662	662	662

Sumber: Bank Islam Malaysia 1990 - 1994

Dengan ini Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), menjadi rujukan semua perjalanan SPTF seluruh negara, BIMB wajar menawarkan perkhidmatannya untuk menjayakan sistem al-Mudarabah berjalan dengan sempurna, BIMB telah menujuhkan "Team Consultancy Service and Customised Manual Writing" , tujuannya untuk memberikan kursus, bimbingan dan latihan dalam melaksanakan

^{106.} BIMB, *Laporan Tahunan*, 1991, hlm.26; 1992, hlm.18; 1993,hlm.21, 1994, hlm. 29.

Sistem Perbankan Islam yang dirancangkan untuk institusi masing-masing. Bagi produk pelanggan Deposit al-Mudārabah, dan Pembiayaan al-Mudārabah, BIMB mengenakan kos perundingan dan perkhidmatan untuk melaksanakan Akaun al-Mudārabah seperti berikut:¹⁰⁷

JADUAL KOS PERUNDINGAN DAN PERKHIDMATAN:

Pelanggan	Team Consultancy Service	Customised Manual Writing
Deposit <i>al-Mudārabah</i>	RM7,500	-
Deposit Pelaburan Am	-	RM20,000
Deposit Pelaburan Khas	-	RM20,000
Pembiayaan <i>al-Mudārabah</i>	RM20,000	RM40,000

Sumber: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

¹⁰⁷. BIMB, Consultancy Service On Islamic Banking Practice, (t.t.), hlm.9;